Jumlah	Individu	Pertubuhan
15,643	6,584	9,059

Sayur-Sayuran

Jumlah	Individu	Pertubuhan
9,672	6,827	2,845

Ternakan

Jumlah	Individu	Pertubuhan
9,205	3,625	5,580

Perhutanan & Pembalakan

Jumlah	Individu	Pertubuhan
7,602	6,371	1,231

Akuakultur

Jumlah	Individu	Pertubuhan
3,521	1,945	1,576

Nanas

Jumlah	Individu	Pertubuhan
687	574	113

Kenaf

Jumlah	Individu	Pertubuhan
17	17	-

Lada

Jumlah	Individu	Pertubuhan
30	18	12

Koko

Jumlah	Individu	Pertubuhan
471	453	18

Sumber: Banci Pertanian 2024

Nota: Jumlah guna tenaga merujuk kepada bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukan merupakan hasil tambah bagi semua aktiviti pertanian, kerana seorang individu boleh terlibat dalam lebih daripada satu jenis aktiviti secara serentak.

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

HIGHLIGHTS OF AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURAL HOLDING PROFILE

98.0% (1,012,993) are individual agricultural holding

Citizenship	**99.2%**	Malaysian
Ethnic Group	**88.4%**	Bumiputera
Sex	**74.5%**	Male
Age Group	**45.6%**	60 years and above
Marital Status	**76.3%**	Married
Highest Certificate Attained	**37.2%**	Secondary

Rubber crops contributed highest number of **agricultural holding** at **35.2%** (387,433)

The planted area is 7.5 million hectare with **69.0%** by **establishment agricultural holding**

Establishment agricultural holding recorded a total of **67.4%** (6.6 million hectare) of harvested area

Sarawak contributed **22.3%** (22.9 million tonnes) of total crop subsector production

Sarawak recorded the highest total quantity of sales of **22.4%** (22.8 million tonnes)

Pahang contributed **18.7%** (RM21.78 billion) of sales value crops subsector

73.0% (RM136.05 billion) of agriculture sector's income contributed by **establishment agricultural holding**

72.4% (RM49.18 billion) of agriculture sector's expenditure was contributed by **establishment agricultural holding**

Legend:

Individual Agriculture Holding | Planted Area | Harvested Area | Production Quantity | Sales Quantity | Sales Value | Income | Expenditure

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURAL HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

AGRICULTURAL HOLDING

Total	Individual	Establishment
1,034,182	1,012,993	21,189

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
1,005,316 (99.2%)	7,677 (0.8%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
754,204 (74.5%)	258,789 (25.5%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	31 - 45 years	46 - 59 years	60 years and above
33,215 (3.3%)	190,944 (18.8%)	326,968 (32.3%)	461,866 (45.6%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Indian	Chinese	Others
888,752 (88.4%)	10,589 (1.1%)	97,605 (9.7%)	8,370 (0.8%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	Married	Divorced / Separated	Widow / Widower
107,211 (10.7%)	766,299 (76.3%)	12,892 (1.3%)	118,554 (11.8%)

No Information: 8,037

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Secondary	Primary	No Certificate
77,929 (7.7%)	376,515 (37.2%)	263,323 (26.0%)	274,782 (27.1%)

No Information: 20,444

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

	Agricultural Holding	Planted Area (Ha)	Harvest Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	1,034,182	7,540,319.8	6,674,308.2	102,929,762.3	102,046,911.1	116,711.19
Individual	1,012,993 (98.0%)	2,337,115.3 (31.0%)	2,172,787.7 (32.6%)	19,106,684.7 (18.6%)	18,326,017.6 (17.8%)	31,753.90 (27.2%)
Establishment	21,189 (2.0%)	5,203,204.5 (69.0%)	4,501,520.5 (67.4%)	83,823,077.6 (81.4%)	83,720,893.5 (81.3%)	84,957.29 (72.8%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

INCOME (RM million)

Total	Individual	Establishment
RM186,433.27	RM50,378.04 (27.0%)	RM136,055.23 (73.0%)

EXPENDITURE (RM million)

Total	Individual	Establishment
RM67,890.66	RM18,713.72 (27.6%)	RM49,176.94 (72.4%)

INCOME AND EXPENDITURE BY STATE (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, MALAYSIA, 2023

Employment in the Agriculture sector reached 1,735,469 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM18,003.10 million.

1,735,469	1,186,282	549,187
RM18,003.10	RM7,257.96	RM10,745.14

Employment (persons) | Salaries & Wages (million) | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 887,274 person receiving an annual mean salaries and wages of RM20,290.

TOTAL EMPLOYMENT
1,735,469 (100%)

Working Proprietor and Active Business Partners
780,329 (45.0%)

Unpaid Family Workers
67,866 (3.9%)

Paid Employees
887,274 (51.1%)

Annual Mean Salaries and Wages
RM20,290

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by State

Sarawak, Sabah, Johor, Perak and Pahang accounted for 71.3 per cent of national employment in the Agriculture sector. Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Melaka, Kedah and Selangor were the five states that recorded the highest annual mean salaries & wages.

	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Pulau Pinang	Perak
1,735,469	210,575	121,924	80,256	19,542	53,196	193,216	28,219	194,316
RM20,290	RM21,315	RM22,720	RM18,507	RM23,226	RM19,747	RM20,987	RM23,691	RM19,750

Perlis	Selangor	Terengganu	Sabah	Sarawak	W.P Kuala Lumpur	W.P Labuan	W.P Putrajaya
24,224	70,058	97,114	281,116	358,803	276	2,454	180
RM17,467	RM21,534	RM17,373	RM20,475	RM19,122	RM23,236	RM19,623	RM13,196

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages (million)

Source: Agriculture Census 2024

@StatsMalaysia

BANCI EKONOMI 2026 DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

MALAYSIA MADANI kemampanan

ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA NUMBER ONE IN THE WORLD

20 October

2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

@StatsMalaysia

BANCI EKONOMI 2026
DATA PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

MALAYSIA MADANI
kemampanan

ODIN 2024-2025
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE IN THE WORLD

20 October

2016 - 2030

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

HIGHLIGHTS OF AGRICULTURAL SECTOR, PERAK, 2023

AGRICULTURE HOLDING PROFILE

97.6 % (105,228) are Individual Agriculture Holding

Citizenship	**99.9%**	Perak
Ethnic Group	**77.7%**	Bumiputera
Sex	**76.3%**	Male
Age Group	**46.7%**	60 years and above
Marital Status	**73.5%**	Married
Highest Certificate Attained	**39.4%**	Secondary

38.3% (191,425.3 hectares) of the planted area was recorded by **Individual Agriculture Holding**

40.8% (185,544.8 hectares) of the harvested area was recorded by **Individual Agriculture Holding**

96.0% (1,874,532.5 tonne) of the total production was sold

28.8% (RM5,090,13) of the income was contributed by **Individual Agriculture Holding**

25.0% (1,952,225.8 tonne) of production quantity led by **Individual Agriculture Holding**

7,800,804.0 tonne

Hilir Perak contributed **23.7%** (1,850,192.5 tonne) of the total quantity production

27.7% (RM1,894.27) of the expenditure was contributed by **Individual Agriculture Holding**

Source: Agriculture Census 2024

Legend:

Individual Agriculture Holding | Planted Area (hectares) | Harvested Area (hectares) | Production Quantity (tonne) | Sales Quantity (tonne) | Sales Value (RM million) | Income (RM million) | Expenditure (RM million)

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

AGRICULTURE HOLDINGS PROFILE AND KEY PARAMETERS AGRICULTURAL SECTOR, PERAK, 2023

AGRICULTURE HOLDING

Total	Individual	Establishment
107,824	105,228	2,596

CITIZENSHIP (PERSONS)

Malaysian	Non-Malaysian
105,151 (99.9%)	77 (0.1%)

SEX (PERSONS)

Male	Female
80,270 (76.3%)	24,958 (23.7%)

AGE GROUP (PERSONS)

15 - 30 years	31 - 45 years	46 - 59 years	60 years and above
5,152 (4.9%)	19,426 (18.5%)	31,554 (30.0%)	49,096 (46.7%)

ETHNIC GROUPS (PERSONS)

Bumiputera	Chinese	Indian	Others
81,681 (77.7%)	19,822 (18.9%)	3,204 (3.0%)	444 (0.4%)

Note: Malaysian only

MARITAL STATUS (PERSONS)

Never Married	Married	Divorced / Separated	Widow / Widower
13,392 (12.7%)	77,292 (73.5%)	1,389 (1.3%)	12,529 (11.9%)

Note: No Information = 626 persons (0.6%)

HIGHEST CERTIFICATE ATTAINED (PERSONS)

Tertiary	Primary	Secondary	No Certificate
8,447 (8.0%)	28,871 (27.4%)	41,423 (39.4%)	24.134 (22.9%)

Note: No Information = 2,353 persons (2.3%)

KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURAL SECTOR, PERAK, 2023

	Agriculture Holding	Planted Area (Ha)	Harvested Area (Ha)	Production Quantity (mt)	Sales Quantity (mt)	Sales Value (RM million)
Total	107,824	499,589.4	455,079.3	7,800,804.0	7,710,865.1	16,047.95
Individual	105,228 (97.6%)	191,425.3 (38.3%)	185,554.8 (40.8%)	1,952,225.8 (25.0%)	1,874,532.5 (24.3%)	4,548.26 (28.3%)
Establishment	2,596 (2.4%)	308,164.1 (61.7%)	269,524.5 (59.2%)	5,848,578.2 (75.0%)	5,836,332.6 (75.7%)	11,499.69 (71.7%)

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURAL SECTOR, PERAK, 2023

INCOME (RM million)

Total
RM17,687.82

Individual
RM5,090.13 (28.8%)

Establishment
RM12,597.69 (71.2%)

EXPENDITURE (RM million)

Total
RM6,842.79

Individual
RM1,894.27 (27.7%)

Establishment
RM4,948.52 (72.3%)

INCOME AND EXPENDITURE BY DISTRICT (RM MILLION)



Note: The map is not to scale

Source: Agriculture Census 2024

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT AND SALARIES & WAGES AGRICULTURE SECTOR, PERAK, 2023

Employment in the agriculture sector reached 194,316 persons in 2023, and annual salaries & wages amounted to RM2,017.65 million.

194,316 | RM2,017.65

143,208 | RM1,060.20

51,108 | RM957.45

Employment (persons) | Salaries & Wages (million) | Total | Individuals | Establishments

Employment of Agriculture Sector

The number of paid employees in 2023 was 102,157 person receiving an annual mean salaries and wages of RM19,750.

TOTAL EMPLOYMENT
194,316 (100%)

Working Proprietor and Active Business Partners
88,843 (45.7%)

Unpaid Family Workers
3,316 (1.7%)

Paid Employees
102,157 (52.6%)

Annual Mean Salaries and Wages
RM19,750

Employment and Annual Mean Salaries & Wages by District

Batang Padang, Hilir Perak, Larut & Matang, Manjung and Bagan Datuk accounted for 60.3 per cent of national employment in the Agriculture sector. Manjung, Kerian, Kampar, Larut & Matang and Selama were the five districts that recorded the highest annual mean salaries & wages.

194,316
RM19,750

Batang Padang	Manjung	Kinta	Kerian	Kuala Kangsar	Larut & Matang	Hilir Perak
26,585	22,144	12,391	18,219	10,914	23,357	25,477
RM14,136	RM25,158	RM21,045	RM25,118	RM19,516	RM22,849	RM16,664

Hulu Perak	Perak Tengah	Kampar	Muallim	Bagan Datuk	Selama
5,802	18,135	4,624	3,526	19,676	3,466
RM19,562	RM15,932	RM23,403	RM15,559	RM21,251	RM22,629

Employment (persons) | Mean Salaries & Wages

Source: Agriculture Census 2024

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MAIN PARAMETER OF EMPLOYMENT IN AGRICULTURE SECTOR, PERAK, 2023



Source: Agriculture Census 2024

Note: The total employment refers to the number of individuals involved in agriculture activities. However, this total does not represent the sum of employment across all agriculture activities, as an individual may be engaged in more than one type of activity simultaneously.

PENEMUAN UTAMA

24 Pengenalan

24 Latar Belakang

28 Profil Pegangan Pertanian

32 Keluasan Bertanam

33 Keluasan Bertuai

34 Kuantiti Pengeluaran

41 Kuantiti dan Nilai Jualan

47 Pendapatan

53 Perbelanjaan

61 Guna Tenaga

68 Gaji & Upah

73 Parameter Sektor Pertanian Mengikut Daerah Pentadbiran Negeri Perak

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024 membentangkan penemuan menyeluruh bagi aktiviti pertanian, merangkumi profil pegangan pertanian dengan aspek sosio-demografi pengusaha dan pertubuhan serta parameter utama iaitu Pegangan Pertanian, Keluasan Bertanam, Keluasan Bertuai, Kuntiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan dengan tambahan tiga (3) parameter baharu iaitu Pendapatan, Perbelanjaan serta Guna Tenaga dan Gaji & Upah bagi memberikan gambaran komprehensif tentang struktur ekonomi dalam sektor pertanian Negeri Perak.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merupakan aktiviti pengumpulan data yang dijalankan ke atas semua pertubuhan dan isi rumah yang menjalankan aktiviti pertanian meliputi tanaman, ternakan, perikanan dan perhutanan & pembalakan. Banci Pertanian 2024 adalah banci yang keempat dilaksanakan semenjak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 adalah di bawah peruntukan yang terkandung dalam Akta Banci 1960 (disemak 1969). Tempoh pembancian bermula dari Julai sehingga Oktober 2024.

Banci Pertanian ini penting bagi tujuan perancangan dan pembangunan negara. Ianya juga digunakan sebagai penanda aras baharu dalam penyediaan indikator pertanian bagi tujuan perancangan industri pertanian di Malaysia.

Penemuan banci ini dapat menilai kedudukan sektor pertanian dan bagaimana ia dapat menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030. Dengan adanya data yang lengkap dan terkini, kerajaan serta pihak berkepentingan dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam merangka pelan dasar dan strategi pembangunan sektor pertanian dengan lebih berkesan.

Secara umum, sektor pertanian di Malaysia merangkumi pelbagai aktiviti di bawah subsektor tanaman makanan & komoditi, perikanan & akuakultur, penternakan dan perhutanan & pembalakan. Sektor pertanian juga menjadi sumber pendapatan utama bagi kebanyakan penduduk luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan serta pembangunan komuniti.

Selain itu, subsektor tanaman makanan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan turut memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan domestik. Dalam subsektor perikanan, industri akuakultur semakin berkembang bagi menampung permintaan yang meningkat terhadap sumber protein. Penternakan pula memberi sumbangan besar dalam pengeluaran daging, telur, susu dan produk ternakan lain.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 bagi tempoh 2021-2030 dan pelbagai program transformasi pertanian. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian, memperkenalkan teknologi moden serta menggalakkan amalan pertanian lestari yang mampu menjamin kelangsungan sumber semula jadi.

Sektor pertanian menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan peluang pekerjaan dan menggalakkan eksport produk pertanian. Kepentingan sektor ini bukan sahaja terletak pada pengeluaran makanan, tetapi juga dalam memastikan keterjaminan sumber makanan negara, keseimbangan sosial serta pembangunan luar bandar yang lebih inklusif.

Oleh itu, pemantauan dan penilaian melalui Banci Pertanian adalah penting bagi memastikan sektor ini terus berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat serta negara secara keseluruhan.

2.1 LATAR BELAKANG SOSIO-EKONOMI NEGERI PERAK

Negeri Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang dan keempat terbesar di Malaysia. Perak bersempadan darat dengan negeri Kedah di utara, Pulau Pinang di tenggara dan sebelah barat laut, Kelantan di sebelah timur laut, Pahang di timur dan tenggara, Selangor di selatan dan Selat Melaka di barat.

Negeri Perak terbahagi kepada 13 daerah dan ditadbir oleh 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Terdapat sebanyak 82 mukim di Negeri Perak, dimana daerah Perak Tengah mempunyai bilangan mukim terbanyak, iaitu 12 mukim diikuti dengan daerah Larut dan Matang sebanyak 11 mukim.

Negeri ini merekodkan keluasan 21,146 km persegi dengan jumlah penduduk berjumlah 2,541.2 juta (1,323.4 lelaki dan 1,217.9 perempuan) pada tahun 2024. Ini menghasilkan

kepadatan penduduk seramai 120.1 penduduk per km persegi. Dari segi peratusan penduduk menua (65 tahun dan ke atas), Perak mencatatkan peratusan penduduk menua tertinggi dikalangan negeri-negeri di Malaysia iaitu 9.7 peratus. Pada tahun 2023, tenaga buruh di Perak meningkat sebanyak 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 0.9%). Sejumlah 1,148.8 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 1,119.1 ribu orang pada tahun 2022.

2.2 SOSIO-EKONOMI NEGERI PERAK

Ekonomi Perak pada tahun 2023 berkembang 2.7 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 4.6 peratus dengan nilai KDNK berjumlah RM82.6 bilion. Dari aspek komposisi ekonomi Perak pada tahun 2023, sektor perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan menyumbang sebanyak 63.4 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian masing masing menyumbang sebanyak 19.3 peratus dan 14.2 peratus. Sektor pembinaan pula memberi impak yang lebih kecil sebanyak 2.5 peratus diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang sebanyak 0.6 peratus.

2.3 SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA KDNK NEGERI PERAK

Pada tahun 2023, sektor Pertanian di Perak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM11.7 bilion berbanding RM11.5 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Perak, menyumbang 14.2 peratus pada tahun 2023.

Subsektor Tanaman merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian di negeri ini dengan sumbangan 52.0 peratus, diikuti subsektor Ternakan (24.2%), Perikanan (21.8%) serta Perhutanan & pembalakan (2.1%). Pertumbuhan sektor ini menunjukkan peningkatan iaitu 1.9 peratus berbanding negatif 2.6 peratus pada tahun 2022. Prestasi baik ini disumbangkan oleh subsektor Tanaman dan Perikanan. Subsektor Tanaman mencatatkan pertumbuhan 2.8 peratus berbanding negatif 2.6 peratus pada tahun sebelumnya disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pengeluaran tanaman sayur-sayuran dan juga tanaman makanan lain.

Bagi pengeluaran tanaman kelapa sawit pula, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB, Perak mencatatkan penyusutan pengeluaran buah tandan segar iaitu negatif 0.8 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: -0.7%). Subsektor Ternakan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Perak mencatatkan penyusutan marginal 0.2 peratus berbanding peningkatan 0.6 peratus pada

2022. Penyusutan ini dipengaruhi oleh aktiviti ternakan ayam & itik. Subsektor Perikanan pula mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus berbanding negatif 6.4 peratus pada tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh pertumbuhan dua digit dalam aktiviti pendaratan ikan laut. Subsektor Perhutanan & pembalakan merosot kepada negatif 25.1 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan 1.5 peratus pada tahun sebelumnya.

2.4 PRESTASI EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN

Pada tahun 2024, jumlah eksport bagi 10 produk Pertanian utama negeri Perak bernilai RM8,529.0 juta. Antara eksport utama meliputi minyak kelapa sawit RM2,996.3 juta, getah asli RM345.7 juta serta udang segar atau disejukbekukan RM241.4 juta.

Sementara itu, nilai import pula bagi 10 produk Pertanian utama mencatatkan RM915.2 juta. Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) yang bernilai RM342.7 juta merupakan import utama produk pertanian, diikuti Krustasea & moluska, segar, didinginkan, disejukbekukan, dikeringkan RM228.5 juta serta Ikan segar, didinginkan atau disejukbekukan RM177.2 juta.

3.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, PERAK

3.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa 107,824 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 105,228 pegangan pertanian individu (97.6%) dan 2,596 pegangan pertanian pertubuhan (2.4%). Hulu Perak mempunyai bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 12,982 (12.0%), diikuti oleh Kerian (12,559; 11.6%) dan Kuala Kangsar (12,376; 11.5%).

Paparan 1: Pegangan Pertanian, Perak, 2023

PERAK

Jumlah **107,824** | Individu **105,228** | Pertubuhan **2,596**

Individu	Daerah	Jumlah	Pertubuhan
11,703	Batang Padang	**11,926**	223
11,853	Manjung	**12,280**	427
6,608	Kinta	**7,193**	585
12,370	Kerian	**12,559**	189
12,228	Kuala Kangsar	**12,376**	148
8,117	Larut Dan Matang	**8,395**	278
7,973	Hilir Perak	**8,223**	250
12,904	Hulu Perak	**12,982**	78
8,202	Perak Tengah	**8,292**	90
2,366	Kampar	**2,490**	124
3,539	Muallim	**3,595**	56
4,014	Bagan Datuk	**4,113**	99
3,351	Selama	**3,400**	49

3.1.1 Kewarganegaraan

Daripada 105,228 pegangan pertanian individu di Perak, seramai 105,151 orang atau 99.9 peratus merupakan warganegara, manakala 77 orang (0.1%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan, Perak, 2023



Warganegara

105,151
(99.9%)

Bukan Warganegara

77
(0.1%)

3.1.2 Jantina

Pegangan pertanian individu di Perak didominasi oleh lelaki iaitu 80,270 orang (76.3%) berbanding perempuan 24,958 orang (23.7%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Perak, 2023



3.1.3 Kumpulan Umur

Seramai 49,096 orang atau 46.7 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 60 tahun dan ke atas, diikuti oleh individu yang berumur 46 hingga 59 tahun 31,554 orang (30.0%), 31 hingga 45 tahun 19,426 orang (18.5%) dan 15 hingga 30 tahun 5,152 orang (4.9%).

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur, Perak, 2023



Nota: Tiada Maklumat = 2 orang (0.0%)

3.1.4 Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu adalah etnik Bumiputera dengan bilangan seramai 81,681 orang (77.7%), diikuti oleh Cina 19,822 orang (18.9%), India 3,204 orang (3.0%) dan lain-lain 444 orang (0.4%).

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Etnik, Perak, 2023



3.1.5 Taraf Perkahwinan

Majoriti pegangan pertanian individu terdiri daripada mereka yang telah berkahwin 77,292 orang (73.5%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin 13,392 orang (12.7%), balu/ duda 12,529 orang (11.9%), dan bercerai/ berpisah 1,389 orang (1.3%).

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Perak, 2023



Nota: Tiada Maklumat = 626 orang (0.6%)

3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Seramai 41,423 orang atau (39.4%) pegangan pertanian individu mempunyai sijil pendidikan peringkat menengah, diikuti oleh peringkat rendah 28,871 orang (27.4%) dan tiada sijil 24,134 orang (22.9%). Pegangan pertanian individu yang mempunyai pendidikan peringkat tertiari pula berjumlah 8,447 orang (8.0%).

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Perak, 2023



Nota: Tiada Maklumat = 2,353 orang (2.3%)

3. 2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 adalah seluas 499.6 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 191.4 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu, manakala 308.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Hilir Perak mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 103.4 ribu hektar, diikuti oleh Perak Tengah (72.6 ribu hektar) dan Batang Padang (62.5 ribu hektar).

Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



Paparan 9: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Keluasan Bertanam Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah	Jumlah ('000 ha)	Individu ('000 ha)	Pertubuhan ('000 ha)
Hilir Perak	**103.4**	25.4	78.0
Perak Tengah	**72.6**	29.6	43.0
Batang Padang	**62.5**	10.3	52.2
Kerian	**61.9**	44.6	17.3
Manjung	**46.3**	13.9	32.4

3.3 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai di Perak merekodkan 455.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 185.6 ribu hektar, manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan adalah 269.5 ribu hektar. Hilir Perak mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar iaitu seluas 93.9 ribu hektar, diikuti oleh Perak Tengah (67.8 ribu hektar) dan Batang Padang (59.0 ribu hektar).

Paparan 10: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Paparan 11: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Keluasan Bertuai Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah	Jumlah ('000 ha)	Individu ('000 ha)	Pertubuhan ('000 ha)
Hilir Perak	**93.9**	24.9	69.0
Perak Tengah	**67.8**	29.2	38.6
Kerian	**59.0**	44.3	14.7
Batang Padang	**55.8**	9.7	46.1
Manjung	**42.1**	13.4	28.8

3.4 KUANTITI PENGELUARAN

Jumlah kuantiti pengeluaran pada tahun 2023 adalah 7.8 juta tan metrik. Daripada jumlah ini, 2.0 juta tan metrik (25.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 5.8 juta tan metrik (75.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

3.4.1 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 7.4 juta tan metrik. Tanaman kelapa sawit merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan 6.7 juta tan metrik, diikuti oleh padi (301.4 ribu tan metrik) dan buah-buahan (157.0 ribu tan metrik). Hilir Perak mencatatkan kuantiti pengeluaran tanaman tertinggi 1.8 juta tan metrik, menyumbang (24.8%) kepada pengeluaran tanaman Perak.

Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Paparan 13: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman, Perak, 2023

Daerah	Jumlah ('000 mt)	Individu ('000 mt)	Pertubuhan ('000 mt)
Hilir Perak	**1,850.2**	272.4	1,557.8
Batang Padang	**1,168.5**	136.1	1,032.4
Perak Tengah	**1,036.9**	207.6	829.2
Manjung	**995.4**	267.2	728.3
Larut dan Matang	**641.7**	201.4	440.3

3.4.2 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup adalah 204.2 juta ekor, dengan penternakan ayam/ itik mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi (181.8 juta ekor) atau 89.0 peratus. Bilangan pengeluaran lembu/ kerbau pada tahun 2023 adalah 24.8 ribu ekor, manakala babi dan kambing/ bebiri masing-masing 752.8 ribu ekor dan 17.9 ribu ekor. Daerah yang merekodkan pengeluaran ayam/ itik yang teratas adalah Manjung (40.5 juta ekor), Kinta (34.9 juta ekor) dan Larut dan Matang (26.4 juta ekor).

Bagi hasilan ternakan pula, penghasilan telur ayam/ itik adalah 1.23 bilion biji dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.8 peratus berbanding 1.2 peratus oleh pegangan pertanian individu. Batang Padang, Larut dan Matang dan Kampar merupakan tiga (3) daerah teratas yang menyumbang kepada pengeluaran telur ayam/ itik iaitu masing-masing 416.9 juta biji, 341.5 juta biji dan 271.2 juta biji.

Selain itu, sebanyak 7.7 juta liter susu segar dengan pegangan pertanian pertub-uhan menyumbang 95.2 peratus berbanding 4.8 peratus oleh pegangan pertanian individu. Selama, Kuala Kangsar dan Kinta merupakan tiga (3) daerah teratas yang menyumbang kepada pengeluaran susu segar iaitu masing-masing 5.9 juta liter, 0.9 juta liter dan 0.5 juta liter.

Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Perak, 2023



Paparan 15: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Perak, 2023

Ekor ('000 Ribu)	Biji ('000 Ribu)	Kilogram	Liter ('000 Ribu)
Selama (43,278.4)	Batang Padang (416,873.2)	Manjung (9,307.0)	Selama (5,877.0)
Manjung (40,661.0)	Larut dan Matang (341,531.8)	Kerian (5,730.0)	Kuala Kangsar (930.2)
Kinta (35,011.4)	Kampar (271,205.8)	Kuala Kangsar (4,156.0)	Kinta (541.4)
Larut dan Matang (26,397.8)	Manjung (173,299.6)	Kinta (1,243.0)	Batang Padang (105.49)
Batang Padang (16,984.4)	Kinta (18,036.4)	Hulu Perak (771.0)	Hulu Perak (65.77)

3.4.3 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan jumlah pengeluaran 298.6 ribu tan metrik. Bagan Datuk merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi dengan jumlah 104.5 ribu tan metrik, diikuti oleh Manjung (100.0 ribu tan metrik) dan Larut dan Matang (61.1 ribu tan metrik).

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



Paparan 17: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023

Daerah	Jumlah ('000 mt)	Individu ('000 mt)	Pertubuhan ('000 mt)
Bagan Datuk	**104.5**	103.1	1.4
Manjung	**100.0**	35.0	65.0
Larut dan Matang	**61.1**	58.9	2.2
Kerian	**26.2**	25.8	0.3
Kuala Kangsar	**2.3**	2.3	-

3.4.4 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran 60.1 ribu tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah 663.3 juta ekor.

Paparan 18: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Perak, 2023



Paparan 19: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah	Jumlah ('000 mt)	Individu ('000 mt)	Pertubuhan ('000 mt)
Kerian	**16.6**	2.5	14.1
Batang Padang	**8.6**	1.9	6.6
Manjung	**9.9**	0.6	9.2
Kampar	**7.4**	3.4	4.0
Hulu Perak	**4.9**	0.8	4.1

Daerah	Jumlah ('000 ekor)	Individu ('000 ekor)	Pertubuhan ('000 ekor)
Manjung	**448,349.3**	14.6	448,334.7
Kampar	**156,865.2**	283.3	156,582.0
Batang Padang	**37,393.0**	23,393.0	14,000.0
Hulu Perak	**12,008.0**	-	12,008.0
Muallim	**3,418.5**	1,788.5	1,630.0

3.4.5 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan adalah 1,313.1 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 0.1 ribu meter padu (0.01%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 1,313.0 ribu meter padu (99.99%). Larut dan Matang mencatatkan kuantiti keseluruhan pembalakan tertinggi iaitu 1,076.6 ribu meter padu, diikuti oleh Kinta (143.7 ribu meter padu) dan Selama (22.3 ribu meter padu).

Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 2,320.9 ribu kilogram. Pegangan pertanian individu menyumbang 1,272.8 ribu kilogram (54.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 1,048.0 ribu kilogram (45.2%). Kinta mengeluarkan hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 875.6 ribu kilogram, manakala Batang Padang dan Muallim pula masing-masing 864.1 ribu dan 273.0 ribu kilogram.

Paparan 20: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perak, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

Paparan 21: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah	Jumlah ('000 mt)	Individu ('000 mt)	Pertubuhan ('000 mt)
Kinta	**875.6**	13.6	862.0
Batang Padang	**864.1**	863.6	0.5
Muallim	**273.0**	273.0	-
Kuala Kangsar	**205.9**	20.3	185.5
Kampar	**51.2**	51.2	-

Daerah	Jumlah ('000 m^3)	Individu ('000 m^3)	Pertubuhan ('000 m^3)
Larut & Matang	**1,076.6**	-	1,076.6
Kinta	**143.7**	-	143.7
Selama	**22.3**	-	22.3
Kerian	**21.5**	-	21.5
Kuala Kangsar	**20.3**	-	20.3

3.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah kuantiti jualan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM1.74 bilion. Daripada jumlah ini, RM30.5 juta (1.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM1.71 bilion (98.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan. Manakala, bagi jumlah nilai jualan pada tahun 2023 adalah RM16.05 bilion. Daripada jumlah ini, RM4.55 bilion (28.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM11.50 bilion (71.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

3.5.1 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman

Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada tahun 2023 mencatatkan 7.4 juta tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu 6.7 juta tan metrik. Ini diikuti oleh padi dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 0.3 juta dan 0.1 juta tan metrik. Hilir Perak mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada tahun 2023 iaitu 1.8 juta tan metrik atau menyumbang 24.9 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Perak. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan RM8.27 billion.

Paparan 22: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Paparan 23: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Perak, 2023

Daerah	Jumlah	Individu	Pertubuhan	Daerah	Jumlah	Individu	Pertubuhan
Kinta	19.3	10.4	8.9	Hilir Perak	1,841.6	264.4	1,577.2
	0.68	0.18	0.50		1,731.88	285.73	1,446.15
Kuala Kangsar	11.5	11.5	-	Batang Padang	1,155.1	129.9	1,025.1
	0.12	0.12	-		1,164.20	182.33	981.87
Manjung	5.7	0.6	5.1	Perak Tengah	1,020.6	193.5	827.1
	0.06	0.01	0.05		1,026.34	260.98	765.36
Bagan Datuk	2.7	0.9	1.8	Manjung	883.0	229.5	653.5
	0.03	0.01	0.02		872.06	218.24	653.82
Hilir Perak	2.1	2.1	-	Larut dan Matang	556.3	123.3	433.0
	0.03	0.03	-		814.12	217.23	596.88

Kuantiti Jualan ('000 kg) | Kuantiti Jualan ('000 mt) | Nilai Jualan (RM juta)

3.5.2 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan

Nilai jualan bagi subsektor ternakan pada 2023 adalah RM 4.28 bilion. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM4.18 bilion (97.7%) dan selebihnya oleh pegangan pertanian individu RM0.10 bilion (2.3%). Ternakan ayam/itik menyumbang 65.0 peratus kepada nilai jualan subsektor ini yang berjumlah RM2.78 bilion. Ini diikuti oleh jualan telur ayam/itik RM0.45 bilion (10.6%). Dua (2) kategori aktiviti ternakan ini menyumbang 75.5 peratus kepada nilai jualan subsektor ternakan.

Paparan 24: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Perak, 2023



Paparan 25: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Perak, 2023

Ekor		Biji		Kilogram		Liter	
Selama		Batang Padang		Manjung		Selama	
42,766.9	328.96	412,788.8	157.01	9.3	2.50	5,857.1	32.21
Manjung		Larut dan Matang		Kerian		Kuala Kangsar	
37,185.9	765.91	332,821.8	120.33	5.7	19.96	930.2	3.12
Kinta		Kampar		Kuala Kangsar		Kinta	
31,602.8	698.20	268,535.8	97.01	4.1	1.57	501.2	2.29
Larut dan Matang		Manjung		Kinta		Batang Padang	
25,955.7	427.67	170,973.3	77.22	1.1	0.39	104.3	0.48
Batang Padang		Kinta		Hulu Perak		Hulu Perak	
16,173.8	543.55	17,993.0	8.64	0.7	0.49	65.1	0.20

Kuantiti Jualan ('000) Nilai Jualan (RM juta)

3.5.3 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan

Keseluruhan kuantiti jualan subsektor perikanan tangkapan di Perak adalah 298.6 ribu tan metrik. Bagan Datuk mencatatkan kuantiti jualan yang tertinggi dengan jumlah 104.5 ribu tan metrik, diikuti oleh Manjung (100.0 ribu tan metrik) dan Larut dan Matang (61.1 ribu tan metrik). Subsektor perikanan tangkapan mencatatkan nilai jualan RM2.47 bilion.

Paparan 26: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



Paparan 27: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah	Jumlah		Individu		Pertubuhan	
Bagan Datuk	104.5	825.22	103.1	809.89	1.4	15.33
Manjung	100.0	849.04	35.0	286.74	65.0	562.29
Larut dan Matang	61.1	493.29	58.9	474.54	2.1	18.74
Kerian	26.2	213.75	25.8	211.22	0.3	2.53
Kuala Kangsar	2.3	32.86	2.3	32.86	-	-

Kuantiti Jualan ('000 mt) Nilai Jualan (RM juta)

3.5.4 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti jualan 57.2 ribu tan metrik merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Kerian merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 16.3 ribu tan metrik, diikuti oleh Batang Padang (8.5 ribu tan metrik) dan Manjung (8.3 ribu tan metrik). Sementara itu, kuantiti jualan bagibaka & benih dan ikan hiasan adalah 311,314.3 ribu ekor. Tiga daerah yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi baka & benih dan ikan hiasan adalah Manjung (185,121.3 ribu ekor), diikuti oleh Kampar (69,416.1 ribu ekor) dan Batang Padang (36,798.8 ribu ekor). Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan RM910.27 juta

Paparan 28: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Perak, 2023



Paparan 29: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah		Jumlah		Individu		Pertubuhan	
Manjung	Kerian	185,121.3	16.3	13.7	2.4	185,107.6	13.8
		102.47	220.94	0.14	26.62	102.33	194.32
Kampar	Batang Padang	69,416.1	8.5	277.7	1.9	69,138.4	6.5
		13.61	31.00	0.24	23.65	13.37	7.34
Batang Padang	Manjung	36,798.8	8.3	23,238.8	0.6	13,560.0	7.7
		4.27	162.97	2.94	12.66	1.33	150.31
Hulu Perak	Kampar	12,008.0	7.3	-	3.4	12,008.0	3.9
		2.88	61.70	-	29.26	2.88	32.45
Muallim	Hulu Perak	2,940.8	4.9	1,390.8	0.8	1,550.0	4.1
		2.10	47.41	1.68	6.69	0.42	40.72

Kuantiti Jualan ('000 ekor) Kuantiti Jualan ('000 mt) Nilai Jualan (RM juta)

3.5.5 Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Kuantiti jualan bagi aktiviti pembalakan adalah 763.5 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, kuantiti jualan pegangan pertanian individu adalah 0.1 ribu meter padu (0.01%), manakala pegangan pertanian pertubuhan, 763.4 ribu meter padu (99.99%). Larut dan Matang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi 527.0 ribu meter padu, diikuti oleh Kinta (143.7 ribu meter padu) dan Selama (22.3 ribu meter padu). Kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan 1,912.3 ribu kilogram.

Sumbangan tertinggi dicatatkan oleh pegangan pertanian individu dengan 1,236.3 ribu kilogram (64.6%) dan pegangan pertanian pertubuhan, 676.0 ribu kilogram (35.4%). Batang Padang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 848.4 ribu kilogram, manakala Kinta dan Muallim masing-masing 495.0 ribu dan 266.1 ribu kilogram. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan RM118.92 juta.

Paparan 30: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perak, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

Paparan 31: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023

Daerah		Jumlah		Individu		Pertubuhan	
Batang Padang	Larut dan Matang	848.4	527.0	848.0	-	0.5	527.0
		8.42	28.72	8.42	-	0.00	28.72
Kinta	Kinta	495.0	143.7	5.0	-	490.0	143.7
		4.96	48.68	0.06	-	4.90	48.68
Muallim	Selama	266.1	22.3	266.1	-	-	22.3
		3.46	0.82	3.46	-	-	0.82
Kuala Kangsar	Kerian	205.8	21.5	20.3	-	185.5	21.5
		5.32	0.39	0.34	-	4.98	0.39
Kampar	Kuala Kangsar	51.2	20.3	51.2	-	-	20.3
		0.97	14.67	0.97	-	-	14.67

Kuantiti Jualan ('000 kg) | Kuantiti Jualan ('000 m^3) | Nilai Jualan (RM juta)

3.6 PENDAPATAN

Jumlah pendapatan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM17.69 bilion. Daripada jumlah ini, RM5.09 bilion (28.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM12.60 bilion (71.2%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

3.6.1 Pendapatan Subsektor Tanaman

Bagi pendapatan subsektor tanaman merekodkan RM9,340.83 juta. Daripada jumlah pendapatan subsektor tanaman ini. Pegangan pertanian individu menyumbang RM2,830.82 juta (30.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM6,510.00 juta (69.7%).

Paparan 32: Pendapatan Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Paparan 33: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Pendapatan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.6.2 Pendapatan Subsektor Ternakan

Pendapatan daripada aktiviti ternakan pada 2023 berjumlah RM4,755.39 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan merekodkan jumlah pendapa-tanRM4,652.06 juta (97.8%) berbanding pegangan pertanian individu iaitu RM103.33 juta (2.2%). Pendapatan daripada jualan ternakan hidup dan hasilan ternakan berjumlah RM3,749.58 juta iaitu 78.8 peratus. Manjung mencatatkan jumlah pendapatan teratas, RM918.20 juta diikuti oleh Batang Padang dan Kinta dengan masing - masing berjumlah RM900.56 juta dan RM733.81 juta.

Paparan 34: Pendapatan Subsektor Ternakan, Perak, 2023



Paparan 35: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Pendapatan Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.6.3 Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan

Pendapatan keseluruhan bagi subsektor perikanan tangkapan di Perak adalah RM2,519.30 juta. Bagan Datuk merekod-kan pendapatan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan dengan RM860.84 juta, diikuti oleh Manjung RM857.31 juta dan Larut dan Matang RM495.24 juta.

Paparan 36: Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



Paparan 37: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Pendapatan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.6.4 Pendapatan Subsektor Akuakultur

Subsektor akuakultur merekodkan pendapatan RM929.13 juta. Pendapatan bagi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau adalah RM716.85 juta. Sementara itu, pendapatan bagi baka & benih serta ikan hiasan berjumlah RM212.28 juta. Manjung mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu RM272.83 juta (29.4%), diikuti oleh Kerian RM259.93 juta (28.0%) dan Kampar RM76.38 juta (8.2%).

Paparan 38: Pendapatan Subsektor Akuakultur, Perak, 2023



Paparan 39: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Pendapatan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.6.5 Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Pendapatan bagi aktiviti pembalakan adalah RM143.17 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan daripada pegangan pertanian individu berjumlah RM14.02 juta (9.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM129.15 juta (90.2%)

Paparan 40: Pendapatan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perak, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

Paparan 41: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Pendapatan Subsektor Perhutanan dan Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.7 PERBELANJAAN

3.7.1 Perbelanjaan Subsektor Tanaman

Jumlah perbelanjaan sektor pertanian pada tahun 2023 adalah RM6,842.79 juta. Daripada jumlah ini, RM1,894.27 juta (27.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki RM4,948.52 juta (72.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Bagi perbelanjaan subsektor tanaman merekodkan RM2,948.02 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor tanaman ini. Pegangan pertanian individu menyumbang RM976.59 juta (33.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM1,971.43 juta (66.9%).

Paparan 42: Perbelanjaan Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Paparan 43: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Perbelanjaan Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.7.2 Perbelanjaan Subsektor Ternakan

Pada tahun 2023, perbelanjaan yang direkodkan oleh subsektor ternakan adalah RM2,302.73 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 98.8 peratus kepada jumlah perbelanjaan berbanding 1.2 peratus oleh pegangan pertanian individu. Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan operasi yang tidak termasuk perbelanjaan gaji & upah serta harta modal. Jumlah perbelanjaan subsektor ternakan didominasi oleh tiga daerah teratas, iaitu Manjung (RM555.05 juta), Batang Padang (RM359.11 juta) dan Kinta (RM355.06 juta), menjadikan nilai keseluruhan subsektor ternakan bagi tahun 2023 berjumlah RM2.30 bilion.

Paparan 44: Perbelanjaan Subsektor Ternakan, Perak, 2023

Paparan 45: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Perbelanjaan Subsektor Ternakan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.7.3 Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan

Rekod perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan Perak bagi tahun 2023 menunjukkan jumlah perbelanjaan keseluruhan RM1,135.82 juta. Daripada jumlah perbelanjaan subsektor ini pegangan pertanian individu menyumbang RM843.53 juta (74.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM 292.29 juta (25.7%).

Jumlah perbelanjaan subsektor perikanan tangkapan didominasi oleh tiga daerah teratas iaitu Bagan Datuk (RM410.09 juta), Manjung (RM399.22 juta) dan Larut & Matang (RM186.48 juta).

Paparan 46: Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023



Paparan 47: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Perbelanjaan Subsektor Perikanan Tangkapan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.7.4 Perbelanjaan Subsektor Akuakultur

Secara keseluruhan, subsektor akuakultur Perak mencatatkan nilai perbelanjaan berjumlah RM399.81 juta, merangkumi aktiviti akuakultur air tawar dan air payau. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut pegangan pertanian individu menyumbang RM44.50 juta (11.1%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM355.31 juta (88.9%).

Paparan 48: Perbelanjaan Subsektor Akuakultur, Perak, 2023



Paparan 49: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Perbelanjaan Subsektor Akuakultur mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.7.5 Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, jumlah perbelanjaan merekodkan RM56.41 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbang RM1.44 juta (2.5%) manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan RM54.97 juta (97.5%). Kinta mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM24.34 juta, diikuti oleh Kuala Kangsar (RM15.76 juta) dan Larut dan Matang (RM12.79 juta). Ke-tiga-tiga kawasan ini menyumbang 93.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan perhutanan & pembalakan Perak.

Paparan 50: Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perak, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

Paparan 51: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Perbelanjaan Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Pegangan Pertanian, Perak, 2023



3.8 GUNA TENAGA

3.8.1 Guna Tenaga Mengikut Taraf Pekerjaan

Jumlah guna tenaga yang terlibat dengan sektor pertanian di Perak pada tahun 2023 adalah seramai 194,316 orang. Daripada jumlah tersebut, 102,157 orang (52.6%) terdiri daripada pekerja bergaji manakala 88,843 orang (45.7%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif. Selebihnya 3,316 orang (1.7%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 52: Bilangan Guna Tenaga Bagi Sektor Pertanian, Perak, 2023

Mengikut pecahan pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan seramai 143,208 orang. Daripada jumlah ini, seramai 85,277 orang (59.5%) merupakan pemilik dan rakan niaga yang aktif diikuti 54,857 orang (38.3%) sebagai pekerja bergaji manakala 3,074 orang (2.1%) adalah pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 53: Bilangan Guna Tenaga Bagi Pegangan Pertanian Individu, Sektor Pertanian, Perak, 2023



Sementara itu, guna tenaga oleh pegangan pertanian pertubuhan direkodkan seramai 51,108 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 47,300 orang (92.5%) merupakan pekerja bergaji diikuti 3,566 orang (7.0%) terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif manakala seramai 242 orang (0.5%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 54: Bilangan Guna Tenaga Bagi Pegangan Pertanian Pertubuhan, Sektor Pertanian, Perak, 2023

3.8.2 Guna Tenaga Mengikut Daerah Pentadbiran

Bagi guna tenaga sektor pertanian di Perak pada tahun 2023, lima daerah teratas ialah Batang Padang (26,585 orang), Hilir Perak (25,477 orang), Larut & Matang (23,357 orang), Manjung (22,144 orang) dan Bagan Datuk (19,676 orang).

Paparan 55: Bilangan Guna Tenaga mengikut Daerah Pentadbiran, Perak, 2023

(Orang)

Daerah Pentadbiran	Jumlah Guna Tenaga	Pemilik & Rakan Niga Aktif	Pekerja Keluarga Tanpa Gaji	Pekerja Bergaji
Batang Padang	26,585	12,526	356	13,703
Manjung	22,144	11,988	130	10,026
Kinta	12,391	5,098	1,144	6,149
Kerian	18,219	13,295	275	4,649
Kuala Kangsar	10,914	6,180	296	4,438
Larut & Matang	23,357	7,893	417	15,047
Hilir Perak	25,477	8,977	158	16,342
Hulu Perak	5,802	3,184	67	2,551
Perak Tengah	18,135	8,310	149	9,676
Kampar	4,624	2,180	123	2,321
Muallim	3,526	2,866	55	605
Bagan Datuk	19,676	3,828	52	15,796
Selama	3,466	2,518	94	854

3.8.3 Guna Tenaga Dan Gaji Upah Mengikut Subsektor Pertanian

3.8.3.1 Guna Tenaga mengikut Taraf Pekerjaan Subsektor Tanaman

Guna tenaga subsektor tanaman di Perak merekodkan 187,691 orang. Majoriti daripadanya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif seramai 101,776 orang (54.2%), diikuti oleh pekerja bergaji seramai 81,480 (43.4%). Selebihnya 4,435 (2.4%) merupakan pekerja keluarga tanpa gaji.

Bagi pegangan pertanian individu, guna tenaga yang direkodkan seramai 140,805 orang. Kebanyakannya terdiri daripada pemilik dan rakan niaga yang aktif dengan 99,259 (70.5%), disokong oleh pekerja bergaji seramai 37,267 orang (26.5%) dan pekerja keluarga tanpa gaji seramai 4,279 orang (3.0%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, guna tenaga yang direkodkan seramai 46,886 orang. Struktur guna tenaga jelas didominasi oleh pekerja bergaji seramai 44,213 orang (94.3%), diikuti oleh pemilik dan rakan niaga seramai 2,517 orang (5.4%) serta pekerja keluarga tanpa gaji dengan 156 orang (0.3%).

Paparan 56: Bilangan Guna Tenaga bagi Subsektor Tanaman mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Perak, 2023

(Orang)

Kuantiti Jualan (‘000 mt)	26.2	25.8	0.3
Nilai Jualan (RM juta)	213.75	211.22	2.53
Pendapatan (RM juta)	219.03	216.49	2.53
Perbelanjaan (RM juta)	101.55	100.28	1.28
Guna Tenaga	2,138	2,066	72
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	31,393	32,556	15,111

4.4.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Kerian merekodkan 309 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 130 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 179 adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 16.6 ribu tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala 154.2 ribu ekor melibatkan pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan. Bagi kuantiti jualan, 16.3 ribu tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 140.9 ribu ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM259.40 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM259.93 juta, dengan pegangan individu menyumbang 10.3 peratus atau RM26.77 juta, manakala pegangan pertubuhan menyumbang 89.7peratus atau RM233.17 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM122.90 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM5.89 juta (4.8%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM117.01 juta (95.2%).

Seramai 654 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 311 orang dalam pegangan individu dan 343 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM25,201. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM20,798, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM30,407.

Paparan 91: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kerian, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	16.6	154.2	2.5 2.2	14.1 152.0
Kuantiti Jualan	16.3	140.9	2.4 2.1	13.8 138.8
Nilai Jualan (RM juta)	259.40		26.67	232.72
Pendapatan (RM juta)	259.93		26.77	233.17
Perbelanjaan (RM juta)	122.90		5.89	117.01
Guna Tenaga (orang)	654		311	343
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	25,201		20,798	30,407

Tan Metrik ('000) Ekor ('000)

4.4.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Daerah Kerian mencatatkan seramai tiga pegangan pertanian yang terlibat dalam subsektor ini dan semua pegangan adalah daripada pegangan pertubuhan dikenal pasti beroperasi secara sah dan aktif.

Aktiviti pembalakan daerah ini menyumbang kepada kuantiti pengeluaran 21.5 ribu meter padu kayu dengan kuantiti jualan adalah sama dengan nilai jualan RM387.29 ribu.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan direkodkan RM387.29 ribu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian pertubuhan sahaja yang menyumbang jumlah pendapatan subsektor ini.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah RM218.56 ribu dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sepenuhnya.

Dari segi guna tenaga, seramai 14 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 11 pekerja bergaji dan tiga orang pemilik dan rakan niaga yang aktif.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM24,961. Mengikut jenis pegangan, pegangan pertubuhan sahaja yang mempunyai pekerja bergaji dengan purata iaitu RM24,961.

Paparan 92: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kerian, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (‘000 m^3)	21.5	-	21.5
Kuantiti Jualan (‘000 m^3)	21.5	-	21.5
Nilai Jualan (RM ribu)	387.3	-	387.3
Pendapatan (RM ribu)	387.29	-	387.29
Perbelanjaan (RM ribu)	218.56	-	218.56
Guna Tenaga (orang)	14	-	14
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	24,961	-	24,961

4.5 DAERAH KUALA KANGSAR

4.5.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Daerah Kuala Kangsar, dengan keluasan 2,562 kilometer persegi, merupakan daerah ketiga terbesar di negeri Perak. Kawasan pentadbirannya merangkumi sembilan mukim iaitu Chegar Galah, Kampong Buaya, Kota Lama Kanan, Kota Lama Kiri, Lubok Merbau, Pulau Kamiri, Sayung, Senggang dan Sungai Siput.

Pada tahun 2023, daerah Kuala Kangsar merekodkan seramai 11,599 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman, terdiri daripada 11,520 pegangan individu (99.3%) dan 79 pegangan pertubuhan (0.7%).

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 37,498.6 hektar, dengan 15,541.5 hektar diusahakan oleh pegangan individu manakala 21,957.0 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai pula mencatatkan 32,788.8 hektar, di mana 18,213.4 hektar diusahakan oleh pegangan pertubuhan dan 14,575.4 hektar oleh pegangan individu.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Kuala Kangsar mencatatkan 504.4 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 471.8 ribu tan metrik (93.5%) diikuti buah-buahan 16.7 ribu tan metrik (3.3%) dan getah 6.9 ribu tan metrik (1.4%).

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM547.12 juta. Tanaman kelapa sawit mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM425.52 juta (77.8%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh buah-buahan RM52.34 juta (9.6%) dan getah berjumlah RM42.42 juta (7.8%).

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Kuala Kangsar ialah RM659.81 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak 66.1 peratus (RM435.86 juta), manakala pegangan individu menyumbang 33.9 peratus (RM223.95 juta).

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan yang direkodkan ialah RM201.26 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak RM129.28 juta (64.2%), manakala pegangan individu sebanyak RM71.99 juta (35.8%).

Seramai 17,380 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 14,451 orang dalam pegangan individu dan 2,929 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM17,355. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM17,933, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM16,992.

Paparan 93: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kuala Kangsar, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	37,498.6	15,541.5	21,957.0
Keluasan Bertuai (Ha)	32,788.8	14,757.4	18,213.4
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	504.4	113.8	390.6
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	510.8	120.6	390.2
Nilai Jualan (RM Juta)	547.12	153.94	393.18
Pendapatan (RM Juta)	659.81	223.95	435.86
Perbelanjaan (RM Juta)	201.26	71.99	129.28
Guna Tenaga (orang)	17,380	14,451	2,929
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	17,355	17,933	16,992

4.5.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Seramai 311 pegangan pertanian direkodkan terlibat dalam aktiviti ternakan. Daripada jumlah ini, 191 merupakan pegangan individu (61.4%) manakala 120 adalah pegangan pertubuhan (38.6%). Keadaan ini menunjukkan bahawa pegangan individu mendominasi subsektor ternakan.

Pad tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 6,407.7 ribu ekor, dengan 6,131.5 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 14.9 juta biji telur, 930.2 ribu liter susu segar serta 4,156 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM224.79 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan mencatatkan sebanyak RM248.06 juta. Pegangan pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan pendapatan, iaitu 99.1 peratus (RM245.71 juta), manakala pegangan individu hanya menyumbang 0.9 peratus (RM2.35 juta).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM109.33 juta, di mana 98.3 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 1.7 peratus oleh pegangan individu.

Seramai 643 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 319 pekerja bergaji, 311 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan 13 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM23,539. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM14,661, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM24,070.

Paparan 94: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kuala Kangsar, 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	4,156.0	14,898.7	6,407.7	930.0	2,351.0	272.0	1,805.0	14,626.7
					3.6	1.5	6,404.2	928.7
Kuantiti Jualan	4,091.0	14,772.4	6,131.5	930.2	2,287.0	0.1	1804	14.6
					2.9	1.5	6,128.5	928.7
Nilai Jualan (RM juta)	224.79				2.33		222.46	
Pendapatan (RM juta)	248.06				2.35		245.71	
Perbelanjaan (RM juta)	109.33				1.82		107.51	
Guna Tenaga (orang)	643				213		430	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	23,539				14,661		24,070	

Kilogram (Kg) | Biji ('000) | Ekor ('000) | Liter ('000)

4.5.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 535 orang pegangan individu direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan, menunjukkan dominasi pegangan individu dalam struktur aktiviti perikanan tangkapan.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 2,344.2 tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 2,344.2 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM32.86 juta mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan RM32.98 juta dimana 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan individu, selaras dengan struktur pegangan yang didominasi oleh pengusaha persendirian.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah RM14.05 juta yang sepenuhnya melibatkan pegangan individu.

Dari segi guna tenaga, seramai 353 orang terlibat dalam aktiviti ini dan kesemuanya merupakan pemilik serta rakan niaga yang aktif, tanpa penglibatan pekerja bergaji dan pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 95: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kuala Kangsar, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	2,344.2	2,344.2	-
Kuantiti Jualan (mt)	2,344.2	2,344.2	-
Nilai Jualan (RM juta)	32.86	32.86	-
Pendapatan (RM juta)	32.98	32.98	-
Perbelanjaan (RM juta)	14.05	14.05	-
Guna Tenaga (orang)	353	353	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	-	-	-

4.5.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Kuala Kangsar merekodkan 227 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 202 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 25 adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 835.6 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala 1,436.2 ribu ekor melibatkan pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan. Bagi kuantiti jualan, 764.0 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 1,331.7 ribu ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM49.32 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM49.33 juta, dengan pegangan individu menyumbang 94.8 peratus (RM46.76 juta), manakala pegangan pertubuhan menyumbang 5.2 peratus (RM2.56 juta).

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM3.87 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM2.61 juta (67.5%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM1.26 juta (32.5%).

Seramai 273 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 234 orang dalam pegangan individu dan 39 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM32,428. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM31,717 manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi, iaitu RM34,431

Paparan 96: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kuala Kangsar, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	835.6 / 1,436.2	679.0 / 226.1	156.7 / 1,210.1
Kuantiti Jualan	764.0 / 1,331.7	609.4 / 226.1	154.5 / 1,105.5
Nilai Jualan (RM juta)	49.32	46.76	2.56
Pendapatan (RM juta)	49.32	46.76	2.56
Perbelanjaan (RM juta)	3.87	2.61	1.26
Guna Tenaga (orang)	273	234	39
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	32,428	31,717	34,431

Tan Metrik Ekor ('000)

4.5.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Daerah Kuala Kangsar mencatatkan seramai 23 pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan 205.9 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM5.32 juta.

Bagi aktiviti pembalakan, sebanyak 13 pegangan pertanian pertubuhan dikenal pasti beroperasi secara sah dan aktif. Jumlah pengeluaran kayu direkodkan sebanyak 20.3 ribu meter padu. Keseluruhan pengeluaran tersebut telah dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan 20.3 ribu meter padu dengan nilai jualan sebanyak RM14.67 juta.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan di daerah ini direkodkan RM33.89 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama iaitu 99.0 peratus (RM33.54 juta), manakala pegangan pertanian individu menyumbang 1.0 peratus (RM0.35 juta).

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah RM15.76 juta dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM15.73 juta (99.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM21.80 ribu (0.1%).

Dari segi guna tenaga, seramai 273 orang pekerja direkodkan terlibat. Daripada jumlah ini, 57 orang bekerja dalam pegangan pertanian individu manakala 216 orang dalam pegangan pertanian pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM24,107 dengan purata bagi pegangan individu sebanyak RM8,547 manakala pegangan pertubuhan lebih tinggi, iaitu RM26,430.

Paparan 97: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kuala Kangsar, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	205.9	20.3	20.3 -	185.5 20.3
Kuantiti Jualan	205.9	20.3	20.3 -	185.5 20.3
Nilai Jualan (RM juta)	19.99		0.34	19.65
Pendapatan (RM juta)	33.89		0.35	33.54
Perbelanjaan (RM juta)	15.76		0.02	15.73
Guna Tenaga (orang)	273		57	216
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	24,107		8,547	26,430

Tan Metrik Meter Padu ('000)

4.6 DAERAH LARUT DAN MATANG

4.6.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Daerah Larut & Matang secara geografi nya terletak di bahagian barat laut negeri Perak. Dikenali sebagai kawasan paling lembap di Malaysia dengan taburan hujan tahunan mencecah sehingga 5,800 mm di kawasan Bukit Larut.

Pada tahun 2023, daerah Larut dan Matang merekodkan 7,120 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 6,981 adalah pegangan pertanian individu, manakala 139 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 33,913.5 hektar, dengan 10,028.8 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 23,884.7 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 30,675.5 hektar, di mana bahagian terbesar diusahakan oleh pegangan pertubuhan seluas 20,963.5 hektar.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Larut dan Matang mencatatkan 577.6 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 493.1 ribu tan metrik atau 85.4 peratus, diikuti oleh buah-buahan 59.2 ribu tan metrik (10.3%), tanaman lain 19.0 ribu tan metrik (3.3%) dan sayur-sayuran 2.5 ribu tan metrik (0.4%)

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM814.12 juta. Tanaman kelapa sawit mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM441.60 juta (54.2%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh buah-buahan RM314.48 juta (38.6%) dan tanaman lain berjumlah RM31.43 juta (3.9%).

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Larut dan Matang ialah RM885.43 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang 72.1 peratus atau RM638.15 juta, manakala pegangan individu menyumbang 27.9 peratus atau RM247.29 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM270.45 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak RM179.27 juta (66.3%), manakala pegangan individu menyumbang RM91.18 juta (33.7%).

Seramai 18,385 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 14,296 orang dalam pegangan individu dan 4,089 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM17,938. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan ialah RM16,379. manakala pegangan individu mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM18,871,

Paparan 98: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Larut dan Matang, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	33,913.5	10,028.8	23,884.7
Keluasan Bertuai (Ha)	30,675.5	9,712.0	20,963.5
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	577.9	141.2	436.7
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	556.6	123.6	433.0
Nilai Jualan (RM Juta)	814.12	217.24	596.88
Pendapatan (RM Juta)	885.43	247.29	638.15
Perbelanjaan (RM Juta)	270.45	91.18	179.27
Guna Tenaga (orang)	18,385	14,296	4,089
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	17,938	18,871	16,379

4.6.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 411 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 330 pegangan individu (80.3%) dan 81 pegangan pertubuhan (19.7%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 26,397.8 ribu ekor, dengan 25,955.7 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama. Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 341.5 juta biji telur ayam dan itik, 38.6 ribu liter susu segar serta 525.0 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM549.40 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan RM572.09 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan pendapatan iaitu sebanyak 98.3 peratus atau RM562.20 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM9.89 juta (1.7%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM291.47 juta, di mana 99.2 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 0.8 peratus oleh pegangan individu.

Seramai 1,366 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 913 pekerja bergaji, 411 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan 42 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM22,988. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM18,657, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM23,557.

Paparan 99: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Larut dan Matang, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	525.0	341.5	26,397.8	38.6	244.0	0.2 24.5	281.0	341.4 26,373.4
Kuantiti Jualan	522.0	332.8	25,955.7	34.6	244.0	0.1 18.5	278.0	332.7 25,937.2
Nilai Jualan (RM juta)	549.40				9.65		539.75	
Pendapatan (RM juta)	572.09				9.89		562.20	
Perbelanjaan (RM juta)	291.47				2.22		289.25	
Guna Tenaga (orang)	1,366				465		901	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	22,988				18,657		23,557	

Kilogram (Kg) | Biji (juta) | Ekor ('000) | Liter ('000)

4.6.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 2,543 orang pegangan individu direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan, di mana 20 daripadanya adalah pegangan pertubuhan dan 2,523 merupakan pegangan individu yang menunjukkan pegangan individu mendominasi dalam struktur aktiviti perikanan tangkapan.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 61.1 ribu tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 61.1 ribu tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan sebanyak RM493.29 juta mencerminkan bahawa subsektor ini terus memberikan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat.

Pendapatan keseluruhan yang dijana berjumlah RM495.24 juta, di mana sebahagian besar iaitu 96.2 peratus (RM476.50 juta) disumbangkan oleh pegangan individu, manakala pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak RM18.74 juta (3.8%).

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah sebanyak RM186.48 juta. Jika dilihat mengikut jenis pegangan, hampir keseluruhan perbelanjaan disumbangkan oleh pegangan individu iaitu sebanyak 96.4 peratus (RM179.78), manakala baki 3.6 peratus (RM6.71 juta) adalah pegangan pertubuhan.

Dari segi guna tenaga, seramai 5,575 orang terlibat dalam aktiviti ini, 5,473 orang adalah daripada pegangan individu dan hanya 102 orang sahaja daripada pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan yang direkodkan adalah RM29,704. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM29,583, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM35,952.

Paparan 100: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Larut dan Matang, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)	61.1	58.9	2.2
Kuantiti Jualan ('000 mt)	61.1	58.9	2.2
Nilai Jualan (RM juta)	493.29	474.54	18.74
Pendapatan (RM juta)	495.24	476.50	18.74
Perbelanjaan (RM juta)	186.48	179.78	6.71
Guna Tenaga (orang)	5,575	5,473	102
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	29,704	29,583	35,952

4.6.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Larut dan Matang merekodkan 132 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 82 adalah pegangan individu dan baki 50 pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 2,999.3 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala 444.8 ribu ekor melibatkan pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan. Bagi kuantiti jualan, 2,892.1 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 438.5 ribu ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM69.36 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM70.27 juta, dengan pegangan individu menyumbang 59.3 peratus atau RM41.64 juta, manakala pegangan pertubuhan menyumbang 40.7 peratus atau RM28.63 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM22.6 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM5.48 juta (24.2%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM17.12 juta (75.8%).

Seramai 322 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 249 orang dalam pegangan individu dan 73 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM31,305. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM31,190, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM32,057.

Paparan 101: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Larut dan Matang, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	2,999.3 / 444.8	1,551.9 / 0.7	1,447.4 / 444.1
Kuantiti Jualan	2,892.1 / 438.5	1,534.7 / 0.5	1,357.5 / 438.1
Nilai Jualan (RM juta)	69.36	41.63	27.73
Pendapatan (RM juta)	70.27	41.64	28.63
Perbelanjaan (RM juta)	22.60	5.48	17.12
Guna Tenaga (orang)	322	249	73
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	31,305	31,190	32,057

Tan Metrik Ekor ('000)

4.6.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Seramai empat pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain di daerah ini.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan sebanyak 8,195.0 kilogram, manakala sebanyak 3,407.3 kilogram telah dipasarkan dengan nilai jualan berjumlah RM29.22 ribu.

Bagi aktiviti pembalakan pula, seramai 56 pegangan pertubuhan dikenal pasti beroperasi secara sah dan aktif, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 1,077 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 527.0 ribu meter padu telah dijual, dengan nilai jualan berjumlah RM28,722.41 ribu.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan di daerah ini direkodkan sebanyak RM31,660.88 ribu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 99.9 peratus (RM31,636.04 ribu), manakala pegangan pertanian individu menyumbang hanya 0.1 peratus (RM24.84 ribu).

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah sebanyak RM12,791.62 ribu, dengan pegangan pertanian pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan iaitu sebanyak RM12,788.83 ribu (99.9%), manakala pegangan pertanian individu menyumbang RM2.79 ribu (0.02%) sahaja.

Dari segi guna tenaga, seramai 479 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, merangkumi empat orang di bawah pegangan pertanian individu dan 475 orang di bawah pegangan pertanian pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM28,810. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM10,202, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM28,854.

Paparan 102: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Larut dan Matang, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH		INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	8,195.0	1,077.0	8,128.0	-	67.0	1,076.6
Kuantiti Jualan	3,407.0	527.0	3,340.0	-	67.3	527.0
Nilai Jualan (RM ribu)	28,751.63		24.84		28,726.79	
Pendapatan (RM ribu)	31,660.88		24.84		31,636.04	
Perbelanjaan (RM ribu)	12,791.62		2.79		12,788.83	
Guna Tenaga (orang)	479		4		475	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	28,810		10,202		28,854	

Kilogram (Kg) Meter Padu ('000)

4.7 DAERAH HILIR PERAK

4.7.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Hilir Perak terletak di bahagian selatan negeri Perak dengan Teluk Intan sebagai pusat pentadbirannya. Daerah ini berkeluasan 786.9 kilometer persegi dan terbahagi kepada lima mukim iaitu Changkat Jong, Durian Sebatang, Labu Kubong, Sungai Durian dan Sungai Manik.

Pada tahun 2023, daerah Hilir Perak merekodkan 7,943 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 7,716 adalah pegangan pertanian individu, manakala 227 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 103.373.0 hektar, dengan 25,375.8 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 77,997.2 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 93,908.0 hektar, di mana sebahagian besar keluasan diusahakan oleh pegangan pertubuhan iaitu seluas 68,965.5 hektar manakala 24,942.4 hektar diusahakan oleh pegangan individu.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Hilir Perak mencatatkan 1,847.4 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 1,759.3 ribu tan metrik (95.2 %), diikuti oleh padi 79.3 ribu tan metrik (4.3%) dan buah-buahan 4.4 ribu tan metrik (0.2%)

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM1,731.92 juta. Tanaman kelapa sawit mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM1,591.14 juta (91.9%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh padi RM109.15 juta (6.3%) dan sayur-sayuran berjumlah RM13.94 juta (0.8%).

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Hilir Perak ialah RM1,911.38 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang 82.2 peratus atau RM1,571.54 juta, manakala pegangan individu menyumbang 17.8 peratus atau RM339.84 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM558.29 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang RM450.74 juta (80.7%), manakala pegangan individu menyumbang RM107.55 juta (19.3%).

Seramai 25,394 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 16,273 orang dalam pegangan individu dan 9,121 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM16,470. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM11,561, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM20,665.

Paparan 103: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Hilir Perak, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	103,373.0	25,375.8	77,997.2
Keluasan Bertuai (Ha)	93,908.0	24,942.4	68,965.5
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	1,847.4	270.0	1,577.4
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	1,841.6	264.4	1,577.2
Nilai Jualan (RM Juta)	1,731.92	285.77	1,446.15
Pendapatan (RM Juta)	1,911.38	339.84	1,571.54
Perbelanjaan (RM Juta)	558.29	107.55	450.74
Guna Tenaga (orang)	25,394	16,273	9,121
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	16,470	11,561	20,665

4.7.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 193 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 176 pegangan individu (91.2%) dan 17 pegangan pertubuhan (8.8%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 1.5 juta ekor, dengan 1.2 juta ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 287.7 ribu biji telur, 15.0 ribu liter susu segar serta 191.0 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM44.36 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan RM56.70 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan pendapatan iaitu sebanyak 85.1 peratus atau RM48.26 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM8.44 juta (14.9%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM27.79 juta, di mana 93.2 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 6.8 peratus oleh pegangan individu.

Seramai 465 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 270 pekerja bergaji, 189 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan 6 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM16,875. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM23,484, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM16,201.

Paparan 104: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Hilir Perak, 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	191.0	287.7	1.5	15.0	191.0 0.1	287.7 15.0	- 1.4	- -
Kuantiti Jualan	183.0	274.1	1.2	14.5	183.0 0.1	274.1 14.5	- 1.2	- -
Nilai Jualan (RM juta)	44.36				7.64		36.72	
Pendapatan (RM juta)	56.70				8.44		48.26	
Perbelanjaan (RM juta)	27.79				1.89		25.91	
Guna Tenaga (orang)	465				204		261	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	16,875				23,484		16,201	

Kilogram (Kg) | Biji ('000) | Ekor (juta) | Liter ('000)

4.7.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 225 orang pegangan individu direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan, melibatkan 194 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 31 adalah pegangan pertubuhan.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 2,108.6 tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 2,108.6 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM19.56 ribu mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan RM19.96 juta, dengan pegangan individu menyumbang hampir keseluruhan pendapatan iaitu sebanyak 95.0 peratus atau RM18.97 juta, manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM0.99 juta (5.0%).

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah RM8.49 juta di mana 94.8 peratus atau RM8.04 juta disumbangkan oleh pegangan individu dan 5.2 peratus atau RM0.44 juta oleh pegangan pertubuhan.

Dari segi guna tenaga, seramai 119 orang terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 29 pekerja bergaji dan 90 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM27,390. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM26,456, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM28,391.

Paparan 105: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Hilir Perak, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	2,108.6	1,994.1	114.5
Kuantiti Jualan (mt)	2,108.6	116.1	114.5
Nilai Jualan (RM juta)	19.56	18.62	0.95
Pendapatan (RM '000)	19.96	18.97	0.99
Perbelanjaan (RM '000)	8.49	8.04	0.44
Guna Tenaga (orang)	119	97	22
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	27,390	26,456	28,391

4.7.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Hilir Perak merekodkan 45 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 29 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 16 adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini direkodkan sebanyak 686.8 tan metrik bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala sebanyak 600 ribu ekor melibatkan pengeluaran baka, benih serta ikan hiasan. Bagi kuantiti jualan, sebanyak 660.7 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Sementara itu, jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan sebanyak 600 ribu ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM11.29 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM11.37 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang 54.3 peratus atau RM6.17 juta, manakala pegangan pertubuhan menyumbang 45.7 peratus atau RM5.20 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM4.87 juta. Daripada jumlah tersebut, RM4.05 juta (83.1%) disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan RM0.83 juta (16.9%) oleh pegangan individu.

Seramai 144 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 101 orang dalam pegangan individu dan 43 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM21,133. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM18,642, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM28,947.

Paparan 106: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Hilir Perak, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	8,554.6	37.4	1,957.4 / 23.4	6,597.2 / 14.0
Kuantiti Jualan	8,458.4	36.8	1,921.6 / 23.2	6,536.8 / 13.6
Nilai Jualan (RM '000)	11,293.10		6,169.11	5,123.99
Pendapatan (RM '000)	11,366.39		6,169.11	5,197.28
Perbelanjaan (RM '000)	4,874.9		825.4	4,049.5
Guna Tenaga (orang)	144		101	43
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	21,133		18,642	28,947

Tan Metrik Ekor (juta)

4.7.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Daerah Hilir Perak mencatatkan hanya satu pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan sebanyak 1,373.0 kilogram. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,363.6 kilogram telah dipasarkan, dengan nilai jualan berjumlah RM30 ribu.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan di daerah ini direkodkan RM30 ribu, dimana keseluruhan jumlah tersebut disumbang oleh pegangan individu.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah RM1.20 ribu dengan pegangan pertanian individu menyumbang keseluruhan jumlah tersebut.

Dari segi guna tenaga, seramai tiga orang pekerja terlibat yang hanya terdiri daripada pegangan pertanian individu.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM9,676 di mana keseluruhan purata tersebut dimiliki oleh pegangan individu.

Paparan 107: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Hilir Perak, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	1,373.0	-	1,373.0	-	-	-
Kuantiti Jualan	1,363.6	-	1,363.6	-	-	-
Nilai Jualan (RM '000)	30.00		30.00		-	
Pendapatan (RM '000)	30.00		30.00		-	
Perbelanjaan (RM '000)	1.20		1.20		-	
Guna Tenaga (orang)	3		3		-	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	9,676		9,676		-	

Kilogram (Kg) Meter Padu

4.8 DAERAH HULU PERAK

4.8.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Hulu Perak merupakan sebuah daerah yang terletak di timur laut negeri Perak dengan keluasan 661,289.99 hektar. Daerah ini merangkumi beberapa kawasan utama seperti Gerik, Pengkalan Hulu, Lenggong, Kelian Intan dan Lawin.

Pada tahun 2023, daerah Hulu Perak merekodkan 12,066 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 12,007 adalah pegangan pertanian individu, manakala 59 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 31,928.8 hektar, dengan 16,768.0 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 15,160.8 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 26,885.1 hektar, dengan 15,379.5 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 11,505.5 hektar oleh pegangan pertubuhan.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Hulu Perak mencatatkan 153.5 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 120.8 ribu tan metrik atau 78.7 peratus, diikuti oleh getah 17.1 ribu tan metrik (36.7%), buah-buahan 9.2 ribu tan metrik (6.0%) dan sayur-sayuran 2.4 ribu tan metrik (1.5%).

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM293.58 juta. Tanamam getah mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM124.28 juta (42.3%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh kelapa sawit RM107.65 juta (36.7%) dan buah-buahan berjumlah RM37.23 juta (12.7%).

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Hulu Perak ialah RM370.72 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang 55.8 peratus atau RM206.76 juta, manakala pegangan individu menyumbang 44.2 peratus atau RM163.96 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM124.03 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang RM234.76 juta (55.5%), manakala pegangan individu menyumbang RM55.20 juta (44.5%).

Seramai 15,048 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 12,731 orang dalam pegangan individu dan 2,317 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM17,413. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM11,395, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM19,079.

Paparan 108: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Hulu Perak, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	31,928.8	16,768.0	15,160.8
Keluasan Bertuai (Ha)	26,885.1	15,379.5	11,505.5
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	153.5	31.7	121.8
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	151.8	30.7	121.1
Nilai Jualan (RM Juta)	293.58	101.06	192.52
Pendapatan (RM Juta)	370.72	163.96	206.76
Perbelanjaan (RM Juta)	124.03	55.20	68.83
Guna Tenaga	15,048	12,731	2,317
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	17,413	11,395	19,079

4.8.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 266 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 236 pegangan individu (88.7%) dan 30 pegangan pertubuhan (11.3%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 352.1 ribu ekor, dengan 341.3 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 65.8 ribu liter susu segar, 32.1 ribu biji telur ayam & itik serta 771.4 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM11.95 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan RM60.48 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang pendapatan sebanyak 90.2 peratus atau RM54.53 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM5.96 juta (9.8%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM27.20 juta, di mana 96.6 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 3.4 peratus oleh pegangan individu.

Seramai 498 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 215 pekerja bergaji, 268 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan 15 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM24,933. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM18,223, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM28,753.

Paparan 109: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Hulu Perak, 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	771.4	32.1	352.1	65.8	636.0 3.2	32.1 -	135.4 348.9	- 65.8
Kuantiti Jualan	728.4	21.9	341.3	65.1	593.0 2.7	21.9 -	135.4 338.6	- 65.1
Nilai Jualan (RM juta)	11.95				5.80		6.16	
Pendapatan (RM juta)	60.48				5.96		54.53	
Perbelanjaan (RM juta)	27.20				0.93		26.27	
Guna Tenaga	498				328		170	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	24,933				18,223		28,753	

Kilogram (Kg) | Biji ('000) | Ekor ('000) | Liter ('000)

4.8.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 1,136 orang pegangan individu direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan, menunjukkan dominasi pegangan individu dalam struktur aktiviti perikanan tangkapan.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 693.1 tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 693.1 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM14.92 juta mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan RM14.96 juta dimana 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan individu, selaras dengan struktur pegangan yang didominasi oleh pengusaha persendirian.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah RM6.46 juta yang sepenuhnya dimonopoli oleh pegangan individu.

Dari segi guna tenaga, seramai 456 orang terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 452 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif serta hanya empat orang sahaja pekerja bergaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM39,529, di mana keseluruhan purata tersebut dimiliki oleh pegangan individu.

Paparan 110: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Hulu Perak, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	693.1	693.1	-
Kuantiti Jualan (mt)	693.1	693.1	-
Nilai Jualan (RM juta)	14.92	14.92	-
Pendapatan (RM juta)	14.96	14.96	-
Perbelanjaan (RM juta)	6.46	6.46	-
Guna Tenaga	456	456	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	39,529	39,529	-

4.8.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Hulu Perak merekodkan 161 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 145 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 16 adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 4,902.2 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala 12.0 juta ekor melibatkan pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan. Bagi kuantiti jualan, 4,873.8 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 12.0 juta ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM50.29 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM50.37 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama iaitu 86.7 peratus (RM43.67 juta), manakala pegangan pertanian individu menyumbang 13.3 peratus (RM6.70 juta).

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM23.63 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertubuhan menyumbang RM22.58 juta (95.5%), manakala pegangan individu menyumbang RM1.05 juta (4.5%).

Seramai 250 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 172 orang dalam pegangan individu dan 78 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM31,685. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM20,151 manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM37,452.

Paparan 111: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Hulu Perak, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	4,902.2	12.0	827.5 -	4,074.8 12.0
Kuantiti Jualan	4,873.8	12.0	824.2 -	4,049.6 12.0
Nilai Jualan (RM juta)	50.29		6.69	43.60
Pendapatan (RM juta)	50.37		6.70	43.67
Perbelanjaan (RM juta)	23.63		1.05	22.58
Guna Tenaga (orang)	250		172	78
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	31,685		20,151	37,452

Tan Metrik Ekor (juta)

4.8.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Daerah Hulu Perak mencatatkan 211 pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan 41,433.0 kilogram dengan nilai jualan yang dipasarkan sebanyak 41,027.0 kilogram. Nilai jualan keseluruhan berjumlah RM622,350.00.

Bagi aktiviti pembalakan, dua pegangan individu dan satu pegangan pertubuhan dikenal pasti beroperasi secara sah dan aktif, menyumbang kepada kuantiti pengeluaran 75.0 meter padu kayu dengan kuantiti jualan adalah sama iaitu 75.0 meter padu dan nilai jualan RM800.00.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan di daerah ini direkodkan RM1,050.00 ribu, dengan pegangan individu menyumbang 59.3 peratus atau RM623.15 ribu manakala pegangan pertubuhan menyumbang 40.7 peratus atau RM427.18 ribu.



Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah RM294.60 ribu dengan pegangan pertanian individu menyumbang RM49.81 ribu (16.9%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang RM244.79 ribu (83.1%).

Dari segi guna tenaga, seramai 254 orang pekerja terlibat, terdiri daripada 252 orang dalam pegangan pertanian individu dan dua orang dalam pegangan pertanian pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM5,912, di mana keseluruhan purata tersebut dimiliki oleh pegangan individu.

Paparan 112: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Hulu Perak, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	41,433.0	75.0	41,433.0	75.0	-	-
Kuantiti Jualan	41,027.0	75.0	41,027.0	75.0	-	-
Nilai Jualan (RM)	623,150		623,150		-	
Pendapatan (RM juta)	1,050.00		427.18		427.18	
Perbelanjaan (RM '000)	294.60		49.81		244.79	
Guna Tenaga (orang)	254		252		2	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	5,912		5,912		-	

Kilogram

Meter Padu

4.9 DAERAH PERAK TENGAH

4.9.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Perak Tengah merupakan salah satu daerah di negeri Perak dengan keluasan 1,279.5 kilometer persegi. Daerah ini merangkumi dua belas mukim iaitu Bandar, Belanja, Bota, Jaya Baru, Kampong Gajah, Kota Setia, Lambor Kiri, Layang-Layang, Pasir Panjang, Pasir Salak dan Pulau Tiga.

Pada tahun 2023, daerah Perak Tengah merekodkan 8,118 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 8,041 adalah pegangan pertanian individu, manakala 77 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 72,633.9 hektar, dengan 29,644.7 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 42,989.3 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 67,822.6 hektar, di mana bahagian terbesar diusahakan oleh pegangan pertubuhan seluas 38,614.5 hektar.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Perak Tengah mencatatkan 1,036.4 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 922.2 ribu tan metrik atau 89.0 peratus, diikuti oleh padi 86.6 ribu tan metrik (8.4%), buah-buahan 17.0 ribu tan metrik dan nanas 4.5 ribu tan metrik.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM1,026.34 juta. Tanaman kelapa sawit mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM822.34 juta (80.1%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh padi RM119.40 juta dan buah-buahan berjumlah RM48.90 juta.

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Perak Tengah ialah RM1,166.79 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak 72.4 peratus atau RM844.51 juta, manakala pegangan individu menyumbang 27.6 peratus atau RM322.28 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM380.59 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang RM 250.46 juta (65.8%), manakala pegangan individu menyumbang RM130.13 juta (34.2%).

Seramai 19,952 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 15,003 orang dalam pegangan individu dan 4,949 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM15,441. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM14,122 manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM17,043.

Paparan 113: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Perak Tengah, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	72,633.9	29,644.7	42,989.3
Keluasan Bertuai (Ha)	67,822.6	29,208.1	38,614.5
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	1,036.4	207.7	829.2
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	1,020.6	194.0	827.1
Nilai Jualan (RM Juta)	1,026.34	260.98	765.36
Pendapatan (RM Juta)	1,166.79	322.28	844.51
Perbelanjaan (RM Juta)	380.59	130.13	250.46
Guna Tenaga (orang)	19,952	15,003	4,949
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	15,441	14,122	17,043

4.9.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 152 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 133 pegangan individu (87.5%) dan 19 pegangan pertubuhan (12.5%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 6,022.1 ribu ekor, dengan 5,812.9 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 106.5 ribu biji telur ayam dan itik dan 320.0 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM110.20 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan RM110.84 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan pendapatan iaitu sebanyak 96.4 peratus atau RM106.86 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM3.98 juta (3.6%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM49.13 juta, di mana 98.3 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 1.7 peratus oleh pegangan individu.

Seramai 288 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 125 pekerja bergaji, 152 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan 11 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM19,450. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM14,035, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM20,361.

Paparan 114: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Perak Tengah, 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	320.0	106.5	6,022.1	-	561.0 10.6	106.5 -	320.0 6,011.6	- -
Kuantiti Jualan	299.0	416.9	5,812.9	105.5	539.0 5.9	87.1 -	299.0 5,807.0	- -
Nilai Jualan (RM juta)	110.20				3.40		106.80	
Pendapatan (RM juta)	110.84				3.98		106.86	
Perbelanjaan (RM juta)	49.13				0.85		48.27	
Guna Tenaga (orang)	288				157		131	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	19,450				14,035		20,361	

Kilogram (Kg) Biji ('000) Ekor ('000)

4.9.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 65 orang pegangan individu direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan, menunjukkan dominasi pegangan individu dalam struktur aktiviti perikanan tangkapan.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan RM2.07 juta dimana 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan individu, selaras dengan struktur pegangan yang didominasi oleh pengusaha persendirian.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 140.1 tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 140.1 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM2.02 juta mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah RM0.97 juta yang sepenuhnya melibatkan pegangan individu.

Seramai 21 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 20 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan seorang pekerja keluarga tanpa gaji.

Paparan 115: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak Tengah, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	140.1	140.1	-
Kuantiti Jualan (mt)	140.1	140.1	-
Nilai Jualan (RM juta)	2.02	2.02	-
Pendapatan (RM juta)	2.07	2.07	-
Perbelanjaan (RM juta)	0.97	0.97	-
Guna Tenaga (orang)	21	21	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	-	-	-

4.9.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Perak Tengah merekodkan 70 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 52 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 18 adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 379.2 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau. Bagi kuantiti jualan, 369.2 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM3.22 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan kecil yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM3.32 juta dengan pegangan individu menyumbang 78.6 peratus atau RM2.61 juta manakala pegangan pertubuhan menyumbang 21.4 peratus atau RM0.71 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM1.66 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM1.03 juta (62.2%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM0.63 juta (37.8%).

Seramai 78 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 60 orang dalam pegangan individu dan 18 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM29,200 dan hanya melibatkan pegangan individu sahaja.

Paparan 116: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Perak Tengah, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	379.2	321.2	58.0
Kuantiti Jualan (mt)	369.2	313.3	55.9
Nilai Jualan (RM juta)	3.22	2.60	0.62
Pendapatan (RM juta)	3.32	2.61	0.71
Perbelanjaan (RM juta)	1,655.62	1.03	0.63
Guna Tenaga (orang)	78	60	18
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	29,200	29,200	-

4.9.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Di daerah ini, hanya 1 pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan sebanyak 30.0 kilogram dengan nilai jualan berjumlah RM45.60 ribu.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan di daerah ini direkodkan RM45.60 ribu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menyumbangkan 100.0 peratus daripada jumlah pendapatan.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah RM15.66 ribu dan 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu.

Dari segi guna tenaga, seramai empat orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada dua pekerja bergaji, seorang pemilik dan rakan niaga yang aktif serta seorang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM10,648, di mana keseluruhan purata tersebut dimiliki oleh pegangan individu.

Paparan 117: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perak Tengah, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	30.0	30.0	-
Kuantiti Jualan	30.4	30.4	-
Nilai Jualan (RM '000)	45.60	45.60	-
Pendapatan (RM '000)	45.60	45.60	-
Perbelanjaan (RM '000)	15.66	15.66	-
Guna Tenaga (orang)	4	4	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	10,648	10,648	-

Kilogram (Kg)

4.10 DAERAH KAMPAR

4.10.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Kampar merupakan daerah kesepuluh di Negeri Perak hasil gabungan daerah kecil Gopeng dan daerah kecil Kampar yang terletak kira-kira 40 kilometer dari bandaraya Ipoh dan 16 kilometer dari pekan Tapah. Daerah ini berkeluasan 66 kilometer persegi.

Pada tahun 2023, daerah Kampar merekodkan 1,939 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 2,101 adalah pegangan pertanian individu, manakala 39 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 4,754.4 hektar, dengan 2,263.5 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 2,490.8 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 4,406.5 hektar, di mana pegangan individu mengusahakan seluas 2,204.8 hektar dan pegangan pertubuhan seluas 2,201.8 hektar.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Kampar mencatatkan 77.2 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 45.3 ribu tan metrik atau 58.7 peratus, diikuti oleh sayur-sayuran 22.1 ribu tan metrik (28.7%), buah-buahan 6.5 ribu tan metrik (8.4%) dan tanaman lain 2.6 ribu tan metrik (3.3%).

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM191.46 juta. Tanaman sayur-sayuran mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM118.74 juta (62.0%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh kelapa sawit RM39.76 juta (20.8%) dan sayur-sayuran berjumlah RM24.10 juta (12.6%).

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Perak Tengah ialah RM205.95 juta, dengan pegangan individu menyumbang 51.2 peratus atau RM105.45 juta, manakala pegangan pertubuhan menyumbang 48.8 peratus atau RM100.49 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM63.78 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak RM33.15 juta (52.0%), manakala pegangan individu menyumbang RM30.63 juta (48.0%).

Seramai 3,709 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 2,963 orang dalam pegangan individu dan 746 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM20,668. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM19,829, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM21,859.

Paparan 118: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kampar, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	4,754.4	2,263.5	2,490.8
Keluasan Bertuai (Ha)	4,406.5	2,204.8	2,201.8
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	77.2	29.9	47.3
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	73.3	26.4	46.9
Nilai Jualan (RM Juta)	191.46	101.1	90.4
Pendapatan (RM Juta)	205.95	105.45	100.49
Perbelanjaan (RM Juta)	63.78	30.63	316.73
Guna Tenaga (orang)	3,709	2,963	746
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	20,668	19,829	21,859

4.10.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 275 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 151 pegangan individu (54.9%) dan 124 pegangan pertubuhan(45.1%).

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 16,342.1 ribu ekor, dengan 16,173.8 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 22.0 kilogram hasil ternakan lain, 271,205.8 ribu biji telur ayam dan itik dan 36.0 ribu liter susu segar.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM540.64 juta mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan RM585.10 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak 98.1 peratus atau RM573.94 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM11.16 juta (1.9%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM222.29 juta, di mana hampir keseluruhan perbelanjaan disumbangkan oleh pegangan pertubuhan iaitu sebanyak 99.6 peratus atau RM221.31 juta dan RM0.98 (0.4%) oleh pegangan individu.

Seramai 926 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 628 pekerja bergaji, 273 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan 25 orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM25,196. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM25,210, manakala pegangan individu merekodkan purata RM24,555.

Paparan 119: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kampar, 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	22.0	271,205.8	16,342.1	36.0	22.0	0.4 105.9 -	-	271,205.4 12,236.2 36.0
Kuantiti Jualan	20.0	268,535.8	16,173.8	35.8	20.0	0.3 94.1 -	-	268,535.4 16,079.7 35.8
Nilai Jualan (RM juta)	540.53				11.15		529.38	
Pendapatan (RM juta)	585.10				11.16		573.94	
Perbelanjaan (RM juta)	222.29				0.98		221.31	
Guna Tenaga (orang)	926				171		755	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	25,196				24,555		25,210	

Kilogram (Kg) Biji (ribu) Ekor ('000) Liter ('000)

4.10.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai tujuh orang pegangan individu direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan, menunjukkan dominasi pegangan individu dalam struktur aktiviti perikanan tangkapan.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 373.5 tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 373.5 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM2.94 juta mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan RM2.97 juta dimana 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan individu, selaras dengan struktur pegangan yang didominasi oleh pengusaha persendirian.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah RM1.37 juta yang sepenuhnya melibatkan pegangan individu.

Dari segi guna tenaga, seramai lapan orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada lima pekerja bergaji dan tiga orang pemilik dan rakan niaga yang aktif.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM39,181, di mana keseluruhan purata tersebut dimiliki oleh pegangan individu.

Paparan 120: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kampar, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	373.5	373.5	-
Kuantiti Jualan (mt)	373.5	373.5	-
Nilai Jualan (RM juta)	2.94	2.94	-
Pendapatan (RM juta)	2.97	2.97	-
Perbelanjaan (RM juta)	1.37	1.37	-
Guna Tenaga (orang)	8	8	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	39,181	39,181	-

4.10.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Kampar merekodkan 297 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 164 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 133 adalah pegangan pertubuhan.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM76.38 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak 61.4 peratus atau RM46.88 juta, manakala pegangan individu menyumbang 38.6 peratus atau RM29.50 juta.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 7,385.3 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala 156.9 juta ekor melibatkan pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan. Bagi kuantiti jualan, 7,315.8 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 69.4 juta ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM75.31 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM34.51 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertubuhan menyumbang RM29.32 juta (85.0%), manakala pegangan individu menyumbang RM5.19 juta (15.0%).

Seramai 640 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 208 orang dalam pegangan individu dan 432 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM30,929. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM29,104, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM31,155.

Paparan 121: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kampar, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	7,385.3	156.9	3,395.1 0.3	3,990.2 156.6
Kuantiti Jualan	7,315.8	69.4	3,389.4 0.3	3,926.4 69.1
Nilai Jualan (RM juta)	75.31		29.26	46.88
Pendapatan (RM juta)	76.38		29.5	46.88
Perbelanjaan (RM juta)	34.51		5.19	29.32
Guna Tenaga (orang)	640		208	432
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	30,929		29,104	31,155

Tan Metrik Ekor (juta)

4.10.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Seramai 173 pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan 51.2 tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM972.7 ribu.

Selaras dengan struktur pegangan yang didominasi oleh pengusaha persendirian, pendapatan dan perbelanjaan yang dijana bagi subsektor ini adalah 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan individu, di mana masing-masing mencatatkan RM972.73 ribu dan RM42.95 ribu.

Seramai 224 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 173 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif, 50 pekerja bergaji dan seorang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM7,600, di mana keseluruhan purata didominasi oleh pegangan individu.

Paparan 122: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kampar, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	51.2	-	51.2	-	-	-
Kuantiti Jualan	51.2	-	51.2	-	-	-
Nilai Jualan (RM '000)	972.73		972.73		-	
Pendapatan (RM '000)	972.73		972.73		-	
Perbelanjaan (RM '000)	42.95		42.95		-	
Guna Tenaga (orang)	224		224		-	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	7,600		7,600		-	

Tan Metrik Meter Padu

4.11 DAERAH MUALLIM

4.11.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Daerah Muallim merupakan sebahagian daripada daerah Batang Padang dan terdiri daripada dua mukim iaitu Slim dan Ulu Bernam yang bersempadan negeri Selangor. Selain daripada menjadi hab pendidikan dan hab industri, daerah ini juga memiliki potensi besar dalam sektor pertanian.

Pada tahun 2023, Muallim merekodkan 2,729 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman. Seramai 2,682 pegangan pertanian individu dan 47 pegangan pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 4,247.7 hektar, dengan 3,366.6 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 881.1 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 4,041.4 hektar, dengan pegangan individu seluas 3,204.8 hektar dan pegangan pertubuhan 836.6 hektar.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Muallim mencatatkan 42.2 ribu tan metrik. Kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 32.8 ribu tan metrik atau (77.7%) peratus, diikuti oleh sayur sayuran 5.2 ribu tan metrik (12.4%), buah buahan 2.0 ribu tan metrik (4.7%) dan getah 1.2 ribu tan metrik (2.8%).

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM67.14 juta. Tanaman kelapa sawit mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM28.37 juta (42.2%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh sayur-sayuran RM20.49 juta (30.5%) dan getah berjumlah RM8.02 juta atau 11.9%.

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Muallim ialah RM80.33 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang 27.6 peratus atau RM22.16 juta, manakala pegangan individu menyumbang lebih tinggi iaitu 72.4 peratus atau RM58.16 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM25.53 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang RM7.14 juta (28.0%), manakala pegangan individu menyumbang RM18.39 juta (72.0%).

Seramai 3,537 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, yang terdiri daripada 3,356 orang di bawah pegangan individu, manakala 181 orang lagi berada di bawah pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM17,266. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan pertubuhan RM15,715, manakala pegangan individu mencatatkan purata yang lebih tinggi iaitu RM17,967.

Paparan 123: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Muallim, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	4,247.7	3,366.6	881.1
Keluasan Bertuai (Ha)	4,041.4	3,204.8	836.6
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	42.2	27.7	14.4
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	41.7	27.3	14.4
Nilai Jualan (RM Juta)	67.14	48.03	19.11
Pendapatan (RM Juta)	80.33	58.16	22.16
Perbelanjaan (RM Juta)	25.53	18.39	7.14
Guna Tenaga	3,537	3,356	181
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	17,266	17,967	15,715

4.11.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 122 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 113 pegangan individu (92.6%) dan tiga pegangan pertubuhan (7.4%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 1,073.6 ribu ekor, dengan 848.0 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 460 biji telur ayam dan itik, 60.8 ribu liter susu segar serta 15.0 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM17.91 juta, mencerminkan sumbangan kecil yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan

RM18.20 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang 86.1 peratus atau RM15.67 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM2.53 juta (13.9%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM6.32 juta, di mana 80.2 peratus atau RM5.07 juta disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 19.8 peratus (RM1.25 juta) oleh pegangan individu.

Seramai 202 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 77 pekerja bergaji, 122 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan tiga orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM14,644. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM12,360 manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM15,197.

Paparan 124: Parameter Utama Subsektor Ternakan Muallim, 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	15.0	460	1,073.6	60.8	15.0 1.6	460.0 0.8	- 1,072.0	- 60.0
Kuantiti Jualan	13.0	405	848.0	56.8	13.0 1.3	405.0 0.8	- 846.7	- 56.0
Nilai Jualan (RM juta)	17.31				2.52		15.38	
Pendapatan (RM juta)	18.20				2.53		15.67	
Perbelanjaan (RM juta)	6.32				1.25		5.07	
Guna Tenaga	202				131		71	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	14,644				12,360		15,197	

Kilogram (Kg) Biji Ekor ('000) Liter ('000)

4.11.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 127 pegangan individu dan tiga pegangan pertubuhan direkodkan dalam aktiviti perikanan tangkapan yang menjadikan jumlah keseluruhan pegangan pertanian bagi subsektor ini berjumlah 130 pegangan.

Hasil pengeluaran bagi subsektor ini yang direkodkan adalah sebanyak 807.8 tan metrik, dan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 807.8 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM10.31 juta mencerminkan sumbangan berskala kecil namun tetap signifikan terhadap aktiviti ekonomi setempat. Pegangan individu memonopoli lebih separuh daripada nilai jualan subsektor perikanan tangkapan di daerah dengan nilai jualan sebanyak RM6.64 juta (64.4%) dan baki 35.6 peratus (RM3.68 juta) adalah daripada pegangan pertubuhan.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan jumlah RM10.31 juta, dimana RM6.64 juta disumbangkan oleh pegangan individu, selaras dengan struktur pegangan yang didominasi oleh pengusaha persendirian.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah RM4.62 juta, dengan pecahan RM2.60 juta daripada pegangan individu dan baki RM2.02 juta adalah pegangan pertubuhan.

Dari segi guna tenaga, seramai 81 orang terlibat dalam aktiviti ini. Mengikut jenis pegangan, 64 orang adalah pegangan individu dan 17 orang pegangan pertubuhan. Kesemua 64 orang pekerja individu merupakan pemilik serta rakan niaga yang aktif, tanpa penglibatan pekerja bergaji dan pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM33,454 dan hanya melibatkan pegangan pertubuhan sahaja.

Paparan 125: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Muallim, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	807.8	348.3	459.5
Kuantiti Jualan (mt)	807.8	348.3	459.5
Nilai Jualan (RM juta)	10.31	6.64	3.68
Pendapatan (RM '000)	10.31	6.64	3.68
Perbelanjaan (RM '000)	4.62	2.60	2.02
Guna Tenaga	81	64	17
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	33,454	-	33,454

4.11.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Muallim merekodkan 34 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 33 daripadanya adalah pegangan individu dan baki satu adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi bagi aktiviti air tawar dan air payau, merekodkan 1,909.4 tan metrik, manakala bagi pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan, sebanyak 3.4 juta ekor telah dihasilkan. Bagi kuantiti jualan pula, 1,432.4 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 2.9 juta ekor bagi tahun 2023.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan bagi subsektor ini berjumlah RM8.04 juta, dimana hampir keseluruhan nilai jualan disumbangkan oleh pegangan individu iaitu sebanyak 94.8 peratus atau RM7.62 juta.

Jumlah pendapatan yang dijana juga turut mencatatkan nilai yang sama iaitu RM8.04 juta, dengan pegangan individu menyumbang 34.8 peratus daripada jumlah pendapatan, manakala pegangan pertubuhan menyumbang 5.2 peratus atau RM0.42 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM4.48 juta, daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM4.22 juta (94.3%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM0.26 juta (5.7%).

Seramai 58 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 46 orang dalam pegangan individu dan 12 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM29,422. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM29,598, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata iaitu RM29,213.

Paparan 126: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Muallim, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	1,909.4	3.4	1,909.4 1.8	- 1.6
Kuantiti Jualan	1,432.4	2.9	1,432.4 1.4	- 1.6
Nilai Jualan (RM juta)	8.04		7.62	0.42
Pendapatan (RM juta)	8.04		7.62	0.42
Perbelanjaan (RM juta)	4.48		4.22	0.26
Guna Tenaga (orang)	58		46	12
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	29,422		29,598	29,213

Tan Metrik Ekor (juta)

4.11.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Daerah Muallim mencatatkan sebanyak 919 pegangan pertanian yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengutipan hasil hutan bukan kayu seperti petai, rotan, buluh dan hasil hutan lain. Keseluruhan jumlah ini mewakili 100.0 peratus pegangan individu.

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti tersebut direkodkan sebanyak 273.0 tan metrik, manakala kuantiti yang dipasarkan adalah sebanyak 266.1 tan metrik dengan nilai jualan bagi aktiviti ini berjumlah RM3.46 juta.

Pendapatan keseluruhan yang dijana daripada aktiviti perhutanan dan pembalakan di daerah ini turut direkodkan sebanyak RM3.46 juta, dengan pegangan pertanian individu merupakan penyumbang utama iaitu 100.0 peratus (RM3.46 juta) daripada jumlah pendapatan.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan bagi aktiviti ini adalah sebanyak RM0.47 juta, di mana keseluruhan perbelanjaan tersebut adalah daripada pegangan individu.

Dari segi guna tenaga, seramai 1,104 orang pekerja daripada pegangan pertanian individu terlibat dalam pembangunan subsektor perhutanan dan pembalakan di daerah Muallim pada tahun 2023.

Purata gaji dan upah tahunan yang direkodkan adalah sebanyak RM6,266, melibatkan pekerja daripada pegangan pertanian individu sahaja.

Paparan 127: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Muallim, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	273.0	-	273.0 -	- -
Kuantiti Jualan	266.1	-	266.1 -	- -
Nilai Jualan (RM juta)	3.46		3.46	-
Pendapatan (RM juta)	3.46		3.46	-
Perbelanjaan (RM juta)	0.47		0.47	-
Guna Tenaga (orang)	1,104		1,104	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	6,266		6,266	-

Tan Metrik Meter Padu

4.12 DAERAH BAGAN DATUK

4.12.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Bagan Datuk terletak di selatan negeri Perak yang bersempadan dengan daerah Manjung, Perak Tengah dan Hilir Perak di utara, daerah Muallim di timur, negeri Selangor di selatan dan Selat Melaka di barat. Mempunyai empat mukim iaitu Hutan Melintang, Bagan Datuk, Rungkup dan Teluk Baru serta memiliki keluasan tanah seluas 974.5 kilometer persegi.

Daerah ini merekodkan seramai 3,024 pegangan pertanian yang terlibat dalam subsektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 2,981 adalah pegangan pertanian individu, manakala 43 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 12,988.0 hektar, dengan 4,042.1 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 8,945.9 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 12,138.1 hektar, di mana bahagian terbesar diusahakan oleh pegangan pertubuhan seluas 8,222.7 hektar.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Bagan Datuk mencatatkan 138.1 ribu tan metrik. Tanaman lain merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 67.7 ribu tan metrik atau 49.0 peratus, diikuti oleh kelapa sawit 65.2 ribu tan metrik (47.2%), buah buahan 3.9 ribu tan metrik dan sayur sayuran 1.0 ribu tan metrik.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM179.74 juta. Tanaman lain mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM108.25 juta (60.2%) daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh kelapa sawit RM56.43 juta (31.4%) dan buah buahan RM9.06 juta (5.0%).

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Bagan Datuk ialah RM194.29 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang 59.6 peratus atau RM115.84 juta, manakala pegangan individu menyumbang 40.4 peratus atau RM78.46 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM86.93 juta, di mana pegangan pertubuhan menyumbang RM60.49 juta (69.6%), manakala pegangan individu menyumbang RM26.45 juta (30.4%).

Seramai 9,540 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 3,772 orang dalam pegangan individu dan 5,768 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM16,431. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM19,578 manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata iaitu RM15,888.

Paparan 128: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Bagan Datuk, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	12,988.0	4,042.1	8,945.9
Keluasan Bertuai (Ha)	12,138.1	3,915.4	8,222.7
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	138.1	62.0	76.1
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	137.0	60.9	76.1
Nilai Jualan (RM Juta)	179.74	67.61	112.13
Pendapatan (RM Juta)	194.29	78.46	115.84
Perbelanjaan (RM Juta)	86.93	26.45	60.49
Guna Tenaga (orang)	9,540	3,772	5,768
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	16,431	19,578	15,888

4.12.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 133 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 128 pegangan individu (96.2%) dan lima pegangan pertubuhan (3.8%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup direkodkan sebanyak 86.7 ribu ekor dengan 84.4 ribu ekor pengeluaran telah dipasarkan dalam tempoh yang sama.

Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut direkodkan melibatkan 600 biji telur ayam dan itik dan 5.4 ribu liter susu segar.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM6.90 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat.

Pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan pada tahun 2023 mencatatkan RM7.05 juta, dengan pegangan pertubuhan menyumbang sebanyak 29.3 peratus atau RM2.06 juta, manakala pegangan individu menyumbang RM4.98 juta (70.7%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM1.54 juta, di mana 66.0 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 34.0 peratus oleh pegangan individu.

Seramai 166 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 30 orang pekerja bergaji, 133 orang pemilik dan rakan niaga yang aktif dan tiga orang pekerja keluarga tanpa gaji.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM25,702. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM17,167, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM38,504.

Paparan 129: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Bagan Datuk, 2023

JUMLAH

INDIVIDU

PERTUBUHAN

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	- / 600 / 86.7 / 5.4	600 / 16.3 / 5.4	- / - / 70.4 / -
Kuantiti Jualan	- / 600 / 84.4 / 5.4	- / 600 / 14.0 / 5.4	- / - / 70.4 / -
Nilai Jualan (RM juta)	6.90	4.84	2.06
Pendapatan (RM juta)	7.05	4.98	2.06
Perbelanjaan (RM juta)	1.54	0.52	1.02
Guna Tenaga (orang)	166	149	17
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	25,702	17,167	38,504

Kilogram (Kg) | Biji (ribu) | Ekor (ribu) | Liter ('ribu)

4.12.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai 4,255 pegangan pertanian yang telibat dalam aktiviti perikanan tangkapan di Bagan Datuk. Daripada jumlah tersebut, 4,059 adalah pegangan individu, manakala 196 pegangan pertubuhan.

Dari segi pengeluaran, kuantiti yang direkodkan adalah sebanyak 104.5 ribu tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran dipasarkan, menjadikan kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 104.5 ribu tan metrik.

Nilai jualan keseluruhan bagi subsektor ini merekodkan nilai jualan tertinggi bagi subsektor perikanan tangkapan di negeri Perak iaitu RM825.22 juta. Pegangan individu mencatatkan hampir keseluruhan nilai jualan bagi subsektor ini iaitu 98.1 peratus atau RM809.89 juta, manakala pegangan pertubuhan hanya 1.9 peratus sahaja (RM15.33 juta).

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut mencatatkan RM860.84 juta, dimana 97.5 peratus (RM839.02 juta) disumbangkan oleh pegangan individu, manakala 2.5 peratus (RM21.82 juta) oleh pegangan pertubuhan.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan di daerah ini adalah sebanyak RM410.09 juta. Mengikut jenis pegangan, jumlah perbelanjaan individu menyumbang RM398.80 juta (97.2%), manakala RM11.29 juta (2.8%) oleh pegangan pertubuhan.

Dari segi guna tenaga, seramai 10,134 orang terlibat dalam aktiviti ini. Pegangan individu merekodkan seramai 9,744 orang dan hanya 390 orang sahaja daripada pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM24,748. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu ialah RM25,148, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata RM14,651.

Paparan 130: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Bagan Datuk, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	104.5	103.1	1.4
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	104.5	103.1	1.4
Nilai Jualan (RM juta)	825.22	809.89	15.33
Pendapatan (RM ‘000)	860.84	839.02	21.82
Perbelanjaan (RM ‘000)	410.09	398.80	11.29
Guna Tenaga (orang)	10,134	9,744	390
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	24,748	25,148	14,651

4.12.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Bagan Datuk merekodkan 23 pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti ini, melibatkan 10 daripadanya adalah pegangan individu dan baki 13 adalah pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini direkodkan sebanyak 1,019.6 tan metrik bagi aktiviti air tawar dan air payau. Bagi kuantiti jualan, 941.2 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM23.55 juta. Pegangan pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan nilai jualan di daerah ini iaitu 99.9 peratus atau RM23.53 juta, manakala pegangan individu menyumbang hanya RM16.15 ribu (0.1%) sahaja.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM23.57 juta, dengan pegangan individu menyumbang 0.1 peratus atau RM16.15 ribu, manakala pegangan pertubuhan menyumbang hampir keseluruhan iaitu 99.9 peratus atau RM23.55 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM9.27 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM16.93 ribu (0.2%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM9.25 juta (99.8%).

Seramai 32 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 19 orang dalam pegangan individu dan 13 orang dalam pegangan pertubuhan di mana hanya melibatkan pemilik dan rakan niaga yang aktif serta pekerja keluarga tanpa gaji sahaja.

Paparan 131: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Bagan Datuk, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	1,019.6	-	3.5 -	1,016.1 -
Kuantiti Jualan	941.2	-	2.2 -	939.0 -
Nilai Jualan (RM '000)	23,551.07		16.15	23,534.92
Pendapatan (RM '000)	23,571.07		16.15	23,554.92
Perbelanjaan (RM '000)	9,268.25		16.93	9,251.31
Guna Tenaga (orang)	32		19	13
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	-		-	-

Tan Metrik Ekor (juta)

4.13 DAERAH SELAMA

4.13.1 SUBSEKTOR TANAMAN

Daerah Selama terletak di utara Negeri Perak bersempadan dengan Negeri Kedah. Daerah yang berkeluasan 74,591.8 hektar ini terdiri daripada tiga mukim iaitu Selama, Hulu Selama dan Ijok

Pada tahun 2023, daerah Selama merekodkan 3,249 pegangan pertanian yang terlibat dalam sektor tanaman. Daripada jumlah tersebut, 3,210 adalah pegangan pertanian individu, manakala 10 pegangan pertanian pertubuhan.

Jumlah keluasan bertanam pada tahun 2023 direkodkan seluas 7,594.8 hektar, dengan 7,207.2 hektar diusahakan oleh pegangan individu dan 387.6 hektar oleh pegangan pertubuhan. Dalam tempoh yang sama, keluasan bertuai mencatatkan 7,277.4 hektar, di mana bahagian terbesar diusahakan oleh pegangan individu seluas 6,956.3 hektar.

Dari segi pengeluaran, jumlah hasil tanaman di Selama mencatatkan 97.8 ribu tan metrik dengan kelapa sawit merupakan penyumbang utama dengan pengeluaran 87.5 ribu tan metrik atau 89.5 peratus, daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh buah-buahan 5.3 ribu tan metrik (5.5%) dan nanas 1.6 ribu tan metrik (1.6%).

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM110.51 juta. Tanaman kelapa sawit mendominasi subsektor tanaman di daerah ini, dengan menyumbang RM74.53 juta (67.4%), daripada keseluruhan nilai jualan. Diikuti oleh buah-buahan RM16.59 juta dan getah berjumlah RM7.36 juta.

Jumlah pendapatan yang direkodkan di Selama ialah RM144.98 juta, dengan pegangan Individu menyumbang 92.7 peratus atau RM134.46 juta, manakala pegangan individu menyumbang hanya 7.3 peratus atau RM10.5 juta.

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM51.57 juta, di mana pegangan individu menyumbangkan RM48.16 juta (93.4%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM3.41 juta (6.6%).

Seramai 4,807 orang pekerja terlibat dalam aktiviti tanaman di daerah ini, terdiri daripada 4,581 orang dalam pegangan individu dan 226 orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM20,056. Mengikut jenis pegangan, purata gaji dan upah tahunan bagi pegangan individu ialah RM23,461, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang lebih rendah iaitu RM5,453.

Paparan 132: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Selama 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Keluasan Bertanam (Ha)	7,401.7	7,014.1	387.6
Keluasan Bertuai (Ha)	7,099.4	6,778.3	321.1
Kuantiti Pengeluaran (‘000 mt)	97.8	90.9	6.9
Kuantiti Jualan (‘000 mt)	96.6	89.6	7.0
Nilai Jualan (RM juta)	110.51	101.50	9.01
Pendapatan (RM juta)	144.98	134.46	10.53
Perbelanjaan (RM juta)	51.57	48.16	3.41
Guna Tenaga	4,807	4,581	226
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	20,056	23,461	5,453

4.13.2 SUBSEKTOR TERNAKAN

Bagi subsektor ternakan, seramai 158 pegangan pertanian terlibat dalam aktiviti ternakan, terdiri daripada 134 pegangan individu (84.8%) dan 24 pegangan pertubuhan (15.2%), menunjukkan pegangan individu mendominasi struktur aktiviti ini.

Pada tahun 2023, kuantiti pengeluaran haiwan hidup merekodkan 43.3 juta ekor, dengan 42.8 juta ekor telah dipasarkan, mencerminkan kadar jualan yang tinggi. Selain itu, pengeluaran hasil ternakan turut melibatkan 5.9 juta liter susu segar, 3,869 biji telur, serta 483.0 kilogram hasil ternakan lain.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM361.24 juta, mencerminkan sumbangan yang signifikan terhadap aktiviti ekonomi pertanian setempat. Subsektor ternakan merupakan subsektor pertanian utama di daerah ini.

Pada tahun 2023, pendapatan keseluruhan daripada aktiviti ternakan berjumlah RM386.64 juta. Daripada jumlah ini, pegangan pertubuhan mendominasi sumbangan dengan 99.7 peratus bersamaan RM385.43 juta, manakala pegangan individu menyumbang hanya RM1.21 juta (0.3%).

Dari segi perbelanjaan, jumlah yang direkodkan ialah RM248.60 juta, di mana 99.8 peratus disumbangkan oleh pegangan pertubuhan dan 0.2 peratus oleh pegangan individu.

Dari aspek guna tenaga, seramai 398 orang terlibat dalam aktiviti ini, yang terdiri daripada 171 orang bagi pegangan individu dan 227 orang bagi pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM28,631. Mengikut jenis pegangan, purata bagi pegangan individu adalah RM28,401, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan purata yang sedikit lebih tinggi, iaitu RM28,634.

Paparan 133: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Selama 2023

	JUMLAH				INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Kuantiti Pengeluaran	483.0	3,869	43,278.4	5,877.0	89.0 0.8	3.9 -	394.0 43,277.5	- 5,877.0
Kuantiti Jualan	483.0	3,869	42,766.9	5,857.1	89.0 0.7	3.9 -	394.0 42,766.2	- 5,857.1
Nilai Jualan (RM '000)	361,240.16				1,186.90		360,053.26	
Pendapatan (RM '000)	386,637.36				1,211.15		385,426.21	
Perbelanjaan (RM '000)	248,601.88				550.36		248,051.51	
Guna Tenaga (orang)	398				171		227	
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	28,631				28,401		28,634	

Kilogram (Kg) Biji Ekor ('000) Liter ('000)

4.13.3 SUBSEKTOR PERIKANAN TANGKAPAN

Seramai dua orang pengusaha dalam kategori pegangan individu direkodkan terlibat dalam aktiviti perikanan tangkapan di daerah Selama. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor perikanan di daerah ini adalah kecil berbanding subsektor pertanian lain. Hal ini dipengaruhi oleh faktor geografi yang tidak mempunyai akses kepada laut, keterbatasan sumber air yang sesuai, serta tumpuan aktiviti pertanian yang lebih menjurus kepada subsektor ternakan dan tanaman.

Jumlah pengeluaran yang direkodkan adalah sebanyak 1.8 tan metrik, dengan keseluruhan pengeluaran tersebut telah dipasarkan. Sehubungan itu, kuantiti jualan turut mencatatkan jumlah yang sama, iaitu sebanyak 1.8 tan metrik.

Nilai jualan yang direkodkan berjumlah RM51.35 ribu, sekali gus mencerminkan sumbangan yang berskala kecil namun masih memberi impak kepada aktiviti ekonomi setempat.

Pendapatan keseluruhan yang dijana turut berjumlah RM51.35 ribu, dengan keseluruhan 100.0 peratus disumbangkan oleh pegangan individu.

Jumlah perbelanjaan yang direkodkan adalah sebanyak RM19.63 ribu dan sepenuhnya melibatkan pegangan individu.

Dari aspek guna tenaga, hanya seramai dua orang terlibat dalam aktiviti ini, dan kedua-duanya merupakan pemilik serta rakan niaga yang aktif. Tiada penglibatan pekerja bergaji mahupun pekerja keluarga tanpa gaji direkodkan.

Paparan 134: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Selama 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran (mt)	1.8	1.8	-
Kuantiti Jualan (mt)	1.8	1.8	-
Nilai Jualan (RM '000)	51.35	51.35	-
Pendapatan (RM '000)	51.36	51.35	-
Perbelanjaan (RM '000)	19.63	19.63	-
Guna Tenaga (orang)	2	2	-
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	-	-	-

4.13.4 SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Aktiviti akuakultur di Selama merekodkan sebanyak 67 pegangan pertanian yang terlibat, terdiri daripada 65 pegangan individu dan 2 pegangan pertubuhan.

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ini adalah sejumlah 494.6 tan metrik direkodkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, manakala 300 ekor melibatkan pengeluaran baka dan benih serta ikan hiasan.

Bagi kuantiti jualan, 491.9 tan metrik telah dipasarkan bagi aktiviti air tawar dan air payau, sementara jualan baka, benih dan ikan hiasan turut mencatatkan 300 ekor.

Nilai jualan keseluruhan yang direkodkan di daerah ini berjumlah RM12.39 juta, sekali gus mencerminkan sumbangan yang memberangsangkan kepada pembangunan aktiviti akuakultur di daerah ini.

Jumlah pendapatan yang dijana mencatatkan RM12.39 juta, dengan pegangan individu menyumbang 99.2 peratus (RM12.28 juta), manakala pegangan pertubuhan menyumbang 0.8 peratus (RM100.72 ribu).

Dari segi perbelanjaan, jumlah keseluruhan direkodkan RM4.36 juta. Daripada jumlah tersebut, pegangan individu menyumbang RM4.30 juta (98.7%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM56.25 ribu (1.3%).

Seramai 73 orang pekerja terlibat dalam aktiviti ini, terdiri daripada 69 orang dalam pegangan individu dan empat orang dalam pegangan pertubuhan.

Purata gaji dan upah tahunan direkodkan sebanyak RM34,680, dengan purata bagi pegangan individu sebanyak RM31,312 manakala pegangan pertubuhan lebih tinggi, iaitu RM39,732.

Paparan 135: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Selama, 2023

	JUMLAH		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	494.6	300.0	487.5 / 300.0	7.1 / -
Kuantiti Jualan	491.9	300.0	484.8 / 300.0	7.1 / -
Nilai Jualan (RM '000)	12,385.45		12,284.73	100.72
Pendapatan (RM '000)	12,385.45		12,284.73	100.72
Perbelanjaan (RM '000)	4,359.99		4,303.74	56.25
Guna Tenaga (orang)	73		69	4
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	34,680		31,312	39,732

Tan Metrik Ekor (juta)

4.13.5 SUBSEKTOR PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Aktiviti pembalakan di Selama merupakan sebahagian daripada sektor perhutanan negeri yang menyumbang kepada ekonomi tempatan. Hanya 4 pengusaha direkodkan, dan terdiri daripada pegangan pertanian pertubuhan.

Dari sudut prestasi ekonomi, nilai jualan keseluruhan direkodkan RM822.45 ribu, mencerminkan sumbangan aktiviti ini kepada pembangunan ekonomi pertanian di daerah berkenaan.

Pendapatan keseluruhan yang dijana berjumlah RM1.67 juta, manakala jumlah perbelanjaan direkodkan RM642.15 ribu, dan kesemua nilai tersebut disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Dari segi guna tenaga, seramai 24 pekerja terlibat, semuanya daripada pegangan pertanian pertubuhan, dengan purata gaji dan upah tahunan direkodkan RM24,428.

Paparan 136: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Selama, 2023

	JUMLAH	INDIVIDU	PERTUBUHAN
Kuantiti Pengeluaran	-	-	-
	22,271.0	-	22,271.0
Kuantiti Jualan	-	-	-
	22,270.9	-	22,270.9
Nilai Jualan (RM juta)	822.45	-	822.45
Pendapatan (RM juta)	1,669.17	-	1,669.17
Perbelanjaan (RM juta)	642.15	-	642.15
Guna Tenaga (orang)	24	-	24
Purata Gaji & Upah Tahunan (RM)	24,428	-	24,428

Tan Metrik Meter Padu

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RENCANA

202 Hasil Laut, Harapan Negeri: Perikanan Perak

HASIL LAUT, HARAPAN NEGERI: PERIKANAN PERAK

Mohd Ridauddin bin Masud[1], Nurul Izzatul Atiq binti Rosseli[2]
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Negeri Perak, dengan rangkaian pantai yang panjang, sungai besar dan ekosistem yang kaya, merupakan salah satu penyumbang utama kepada sektor perikanan di Malaysia. Aktiviti perikanan bukan sahaja memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negeri, tetapi juga memainkan peranan penting dalam keselamatan makanan, penciptaan peluang pekerjaan dan pemupukan pembangunan komuniti pesisir dan luar bandar.

Sektor perikanan merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan ekonomi biru negara dan memainkan peranan signifikan dalam memastikan keselamatan makanan nasional. Negeri Perak, mempunyai garis pantai sepanang kira-kira 230 kilometer menghadap Selat Melaka, merupakan antara penyumbang utama hasil perikanan Malaysia. Rencana ini menganalisi prestasi sektor perikanan Perak merangkumi sumbangan ekonomi, peranan perikanan dalam ekonomi biru, jenis aktiviti perikanan di Perak, peluang pertumbuhan dan cabaran sektor perikanan.

Sumbangan Ekonomi dan Data Prestasi

Pada tahun 2023, Perak telah menyumbang **sekitar 22.8 peratus daripada jumlah pengeluaran perikanan Malaysia**, dengan hasil pendaratan ikan laut bernilai kira-kira **RM2.53 bilion**. Data ini menunjukkan Perak sebagai salah satu negeri utama dalam sektor perikanan komersial. (Kerajaan Negeri Perak, 2025).

Selain itu, menurut BERNAMA (2025), sektor akuakultur di Perak merupakan penyumbang kedua terbesar dalam pengeluaran perikanan Negeri Perak, merangkumi 14.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran sektor tersebut pada tahun 2024, bersamaan 76,804 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM910 juta serta melibatkan seramai 1,342 pengusaha berdaftar di negeri ini.

Peranan Perikanan dalam Ekonomi Biru

Kerajaan negeri Perak telah melancarkan **Hala Tuju Ekonomi Biru Negeri Perak** sebagai strategi jangka panjang untuk memacu pembangunan maritim secara menyeluruh. Struktur geografi Perak mempunyai pantai sepanjang 230 kilometer, 32 pulau kecil yang kaya dengan biodiversiti, Sungai Perak sepanjang 400 kilometer, dan 42,700 hektar hutan paya bakau, Perak dilihat mempunyai kelebihan strategik untuk memperkukuh ekonomi biru, termasuk sektor perikanan, pelancongan maritim dan pembangunan industri berasaskan laut (Kerajaan Negeri Perak, 2025).

Sejajar dengan itu, strategi ini turut melibatkan projek utama seperti **Lumut Maritime Industrial City (LuMIC)** yang dijangka menjadi pemangkin pembangunan logistik dan perindustrian serta memperkasakan jaringan eksport perikanan tempatan (Kerajaan Negeri Perak, 2025).

Jenis Aktiviti Perikanan di Perak

Sektor perikanan di Perak boleh dibahagikan kepada beberapa subsektor utama:

i. Perikanan Tangkapan

Perikanan tangkapan marin merupakan sumber utama hasil laut. Negeri ini sering mencatat jumlah tertinggi pendaratan ikan seperti tuna neritik di peringkat nasional, menunjukkan aktiviti tangkapan yang kuat dan permintaan tinggi untuk spesies ini.

Menurut Jabatan Perikanan Malaysia (n.d.), lokasi hotspot pendaratan ikan terletak di beberapa kawasan utama seperti Lumut, Kuala Sepetang, dan Teluk Intan, dengan trend pendaratan bagi lima tahun terakhir menunjukkan peningkatan purata sekitar 2 peratus setahun.

ii. Akuakultur

Menurut BENAMA (2025), aktiviti penternakan ikan air tawar seperti ikan air tawar (tilapia, keli), ikan laut (siakap, kerapu), udang dan produk hiliran telah berkembang di Perak, menarik minat usahawan luar bandar dan generasi muda untuk melibatkan diri dalam perniagaan perikanan komersial. Pada tahun 2024, nilai pengeluaran sektor ini dicatatkan sebanyak RM910 juta dengan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 76,804 tan metrik.

iii. Perikanan Darat

Menurut RTM (n.d.), perikanan darat, seperti tangkapan di sungai dan kawasan air tawar lain, turut memberikan sumbangan kepada keselamatan makanan dan ketersediaan protein tempatan, di samping menyokong ekonomi komuniti tempatan. Sektor ini menyumbang kira-kira 15 peratus daripada jumlah protein tempatan.

Peluang Pertumbuhan Sektor Perikanan

i. Pembangunan Produk Hiliran dan Nilai Tambah

Menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (2022), selain pengeluaran komoditi ikan segar, peluang berkembang bagi produk berasaskan ikan seperti komoditi siap masak, makanan ringan berasaskan ikan dan kosmetik marin dipandang tinggi. Pengembangan ini akan menambah nilai hasil perikanan dan membuka pasaran eksport baru.

ii. Pelaburan dan Teknologi Baru

Penerapan teknologi moden dalam akuakultur (seperti sistem kawalan kualiti automatik) dan perkongsian industri akan memperkukuh produktiviti serta membantu pengusaha bersaing dalam pasaran global (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia, 2022).

iii. Pelancongan Maritim

Integrasi perikanan dengan aktiviti pelancongan seperti lawatan ladang ikan, aktiviti memancing rekreasi dan ekopelancongan pantai boleh meningkatkan pendapatan sektor bukan hanya bergantung pada hasil tangkapan (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia, 2022).

Cabaran Sektor Perikanan Perak

i. Isu Kelestarian dan Tekanan Sumber

